


**Jilid V
No. 40**



**Hari Sabtu
8hb Februari, 1969**

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5817]**

**RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUA-
RAT [Ruangan 5823]**

USUL²:

**Waktu Meshuarat dan Urusan yang di-Bebaskan dari-
pada Peratoran Meshuarat [Ruangan 5823]**

Anggaran Pembangunan, 1969—

Jawatan-kuasa:

Kepala 126 [Ruangan 5824]

**Kepala² 127 hingga 128; 130 hingga 132 [Ruangan
5852]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Sabtu, 8hb Februari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
 „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
 „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
 „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
 „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
 „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
 „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
 „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
 „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
 „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
 „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
 „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
 „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
 „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
 „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
 „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
 „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
 „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
 „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
 „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
 „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
 „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).
 „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
 „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
 „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
 „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
 „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
 „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
 „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
 „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

- Yang Berhormat **TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).**
- .. **TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).**
- .. **DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).**
- .. **TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).**
- .. **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).**
- .. **TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).**
- .. **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).**
- .. **TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).**
- .. **TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).**
- .. **WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).**
- .. **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).**
- .. **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasar Mas Hilir).**
- .. **TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).**
- .. **TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).**
- .. **DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- .. **TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).**

Yang Berbahagia **TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).**

- Yang Berhormat **TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).**
- .. **TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).**
- .. **TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).**
- .. **TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).**
- .. **TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).**
- .. **TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).**
- .. **TUAN SULAIMAN BIN ALI (Dungun).**
- .. **TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).**
- .. **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).**
- .. **TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).**
- .. **TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim-Bandar Bharu).**
- .. **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).**
- .. **TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).**
- .. **TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).**
- .. **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).**

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat **Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).**
- .. **Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).**
- .. **Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).**

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).

- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia
TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL
HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P.
(Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW
KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
(Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang
Pasu Barat).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P.
(Sabah).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN
AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN
CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU
ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

KELAHIRAN BAYI² DI-LUAR NIKAH

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) berapa orang bayi luar nikah lahir sejak Merdeka hingga sekarang dan di-mana-kah mereka itu di-pelihara; dan
- (b) berapa jumlah kanak² luar nikah yang tidak di-ketahui ibu-bapanya.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara tidak-lah mengadakan daftar berasingan berkenaan dengan kelahiran bayi di-luar nikah oleh kerana orang² yang melaporkan kelahiran bayi² tidak memberi maklumat ia-itu sa-saorang bayi itu telah di-lahir di-luar nikah. Oleh kerana itu tidak-lah saya dapat memberikan angka² yang di-kehendaki itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, masaalah bayi yang di-luar nikah ini memang telah diketahui oleh umum, dapat-kah Yang Berhormat Menteri ini memberi tahu Dewan ini anak yang di-lahirkan di-luar nikah ini ada-kah menjadi satu kesalahan di-sisi undang² negara kita

dan kalau salah siapa yang patut kita salahkan dan pernah-kah kita bawa mereka ini ka-mahkamah.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, di-bawah undang² biasa, Undang² Adat itu tidak salah, dari segi hukum shara' itu barangkali salah. Tentang siapa yang salah itu rasa saya kedua²-nya salah (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, apakah chadangan Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri sa-kira-nya ada anak² yang ada lahir di-luar nikah ini untuk di-tempatkan satu tempat sahingga anak² ini besar dan di-beri pekerjaan yang sesuai.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya kalau tidak salah memang ada sekolah tempat anak² yatim atau pun orphanage dalam negeri ini, tetapi sa-bagaimana saya jelaskan tadi, susah mendapat ketahu¹ sama ada sa-orang itu anak daripada nikah, atau pun luar nikah kerana orang² yang melaporkan beranak itu tidak menyatakan sama ada dia anak luar nikah atau pun dalam nikah.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya berlaku wujud-nya masaalah anak di-luar nikah ini, waktu mendaftarkan anak itu atau mengambil kad pengenalan-nya pada apa-kah di-nisbahkan anak² itu, bapa-nya-kah atau ibu-nya, siapa-kah di-binkan anak di-luar nikah ini—itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah panjang jalan-nya (*Ketawa*).

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Yang di-Pertua, pada biasa-nya bila di-buat satu laporan, nama bapa itu di-beri, jadi selalu anak itu di-anggap sa-bagai anak yang halal, atau pun dalam nikah, kechualikan kalau ada bukti lain menunjukkan dia tidak anak dalam nikah.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau bagini berchanggih dengan kehendak Islam.

Islam kalau anak luar nikah bapa itu tidak ada hak, jadi yang berhak itu ibu, segala harta apabila mati bapa itu, dia tidak ada hak, sa-kira-nya betul anak itu sah anak luar nikah—ini dalam Islam. Jadi kalau kita mengaku anak luar nikah itu warith kepada bapa itu, dia akan dapat pesaka, tetapi dalam Islam tidak begitu—menurut pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya? (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, jadi tidak sayugia-lah anak yang di-luar nikah itu kita binkan kepada bapa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan (*Ketawa*).

BANTAHAN KERAS DARIPADA NELAYAN² MALAYSIA TERHADAP SISTEM PEMASARAN IKAN FAMA

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah benar Kementerian-nya telah menerima bantahan keras daripada nelayan² Malaysia termasuk nelayan² dari Sabah dan Sarawak, terhadap sistem pemasaran ikan yang baru di-mulakan oleh FAMA, dan berbangkit dari perkara ini ada-kah FAMA menghadapi kesulitan melancharikan sistem tersebut, dan jika ya, apa-kah penjelasan yang telah di-beri kepada nelayan² mengenai perkara ini.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak-lah menerima bantahan sa-bagitu keras, tetapi pehak Lembaga Pemasaran Pertanian telah pun menerima bantahan dari tegoran daripada nelayan² dan pehak² yang berkaitan dengan masaalah perikanan di-Malaysia Barat yang tidak berapa faham tentang tujuan dan bentok ranchangan pemasaran ikan yang di-chadangkan oleh FAMA itu. Tiada apa² bantahan yang telah di-terima daripada nelayan² daripada Sabah dan Sarawak. Satu penyiasatan awam akan di-adakan tidak berapa lama lagi untuk memberi peluang kepada mereka

yang hendak mengemukakan bantahan atau tegoran mengenai ranchangan tersebut. Tiada ketetapan yang muk-tamad mengenai ranchangan pema-saran ikan tersebut akan di-buat sa-hingga penyiasatan awam di-adakan.

Kedua² Pengerusi dan Timbalan Pengerusi FAMA di-dalam dua tiga bulan yang lepas telah juga membuat beberapa lawatan ka-kawasan² tang-kapan ikan di-Malaysia Barat untuk memberi keterangan² yang lanjut me-nge-nai ranchangan pemasaran ikan yang di-chadangkan oleh FAMA itu; sa-lepas menerima penerangan² ter-sebut nelayan² di-kawasan² tersebut telah memberi sokongan kapada ran-changan itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, saya ingin tahu bahawa walau pun tidak ada ban-tahan sa-chara keras, tetapi telah ada di-terima bantahan² dari nelayan² kita ini, ada-kah benar bahawa Timbalan Pengerusi FAMA itu telah berkejar menemui Menteri Kewangan kita dan juga menemui Menteri Perdagangan dan Perusahaan, atas apa-kah hubo-ngan-nya dalam masaalah ini yang mereka itu pergi.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan yang Kementerian saya telah menerima bantahan berkenaan dengan chadangan pemasaran itu, kerana saya telah sebutkan, Kementerian saya telah pun menerima bantahan yang tidak sa-bagitu keras, kata saya.

Timbalan Pengerusi FAMA telah juga menemui Yang Berhormat Men-teri Kewangan dan Menteri Per-dagangan dan Perusahaan untuk me-nerangkan kapada kedua² Menteri itu berkenaan dengan ranchangan pe-masaran ini kerana kita tidak berke-hendakkan salah faham berlaku ber-hubungan dengan satu² ranchangan yang di-jalankan atau akan di-jalankan oleh pehak Kerajaan. Jadi ada-lah di-fikirkan baik dan menasabah supaya

Menteri² yang ada berkaitan dan ber-kenaan dengan masaalah ranchangan² ini kelak mengetahui dengan jelas dan terang berhubung dengan masaalah² ranchangan itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah kedatangan Timbalan Pengerusi FAMA kita itu dengan panggilan sifat Menteri-kah, atau sifat Pegawai Tertinggi M.C.A. daripada kedua² Kementerian itu?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya per-chaya Timbalan Pengerusi FAMA telah menemui kedua² Menteri itu di-atas sifat Menteri, tetapi dengan sebab kedua² Menteri itu ada memakai baju M.C.A., jadi susah-lah hendak di-bedzakan Menteri dengan Pegawai² M.C.A.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar natijah perjumpaan Timbalan Pengerusi FAMA kita itu dengan kedua² Men-teri, beberapa pindaan atau pun poto-ngan telah di-lakukan atas lunas, atau asas FAMA yang telah di-sediakan oleh Kementerian ini?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Speaker, perkara ini tidak berbangkit kerana asas rancha-ngan, atau pun butir² ranchangan itu juga belum lagi di-buat dan belum pun di-sampaikan kapada saya untuk di-luluskan. Ini chuma penyiasatan awal atau pun perbicharaan awal sa-lepas perbicharaan baharu-lah ranchangan² yang sa-benar akan di-buat.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar ada gulongan anasir dalam negeri ini yang sedang bergerak mempengaruhi nelayan² ini supaya menentang ranchangan Pema-saran Ikan yang hendak di-jalankan oleh FAMA ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian Pertanian akan terus melaksanakan ranchangan FAMA dalam masaalah

ikan ini, walau pun ada bantahan daripada pehak nelayan?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, adaláh menjadi dasar Kerajaan untuk bekerja dan menjalankan ranchangan² bagi kebaikan ra'ayat dalam negeri ini dan sa-kira-nya di-fikirkan ranchangan ini memberi faedah kepada ra'ayat terutama sa-kali nelayan² di-dalam negeri ini, insha Allah ranchangan ini akan di-teruskan.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun membawa satu usul:

Bahawa sungguh pun telah ada syarat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 dan walau apa pun yang di-sharatkan di-dalam ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 9hb Januari, 1969, berhubung dengan Peratoran Meshuarat 12 Dewan ini apabila tamat meshuarat pada pukul 1.00 tengah hari ini hendak-lah ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Ithnin, 10hb Februari, 1969.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sungguh pun telah ada syarat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 dan walau apa pun yang di-sharatkan di-dalam ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 9hb Januari, 1969, berhubung dengan Peratoran Meshuarat 12 Dewan ini apabila tamat meshuarat pada pukul 1.00 tengah hari ini hendak-lah ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Ithnin, 10hb Februari, 1969.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

THE BANK PERTANIAN MALAYSIA BILL

Rang Undang² suatu Act the Bank Pertanian Malaysia Bill di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Perdana Menteri di-bachakan kali yang

pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

THE LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI BILL

Rang Undang² suatu Act the Lembaga Urusan dan Tabong Haji Bill di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Perdana Menteri di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

THE CO-OPERATIVE SOCIETIES (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² suatu Act to amend the Co-operative Societies Bill di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha menyambong sa-mula Peratoran berhubung dengan Anggaran Pembangunan, 1969, dalam jawatan-kuasa sa-buah² Majlis (7hb Februari, 1969).

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala 126—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, untuk menambahkan lagi bilangan biasiswa kepada peruntukan yang tidak begitu besar, maka pehak MARA telah melancarkan biasiswa pinjaman pada akhir tahun 1968. Peruntukan sa-banyak \$360,000 ada-lah di-perlukan tahun ini untuk menambahkan Kumpulan Wang Biasiswa yang tersebut. Biasiswa pinjaman ini ada-lah di-tujukan kepada mereka² yang tidak mempunyai kelayakan yang begitu tinggi dan tidak mempunyai syarat² yang penoh untuk menerima biasiswa² biasa.

Berkenaan dengan latehan kemahiran pula, Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum betapa perlu-nya negara kita ini mempunyai pekerja² yang mahir dan terlatih untuk membolehkan mereka mencheborkan diri dalam lapangan perusahaan dan perdagangan. Bagi menchapai tujuan ini MARA telah melateh sa-ramai 3,000 pemuda dalam beberapa jenis anika kemahiran saperti moto mekanik, perusahaan perniagaan kechil letrik, jentera besar dan lain² lagi.

Sa-bagaimana yang saya pernah terangkan pada tahun² yang lalu, mereka² itu di-tempatkan di-berbagai gedong perusahaan di-negeri ini dan sa-kali lagi saya suka mengambil kesempatan ini menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada gudang² perusahaan yang telah memberi kerjasama yang penoh untuk melateh pemuda² itu. Sekolah Latehan Kemahiran di-Melaka telah mula mengambil penuntut²-nya. Mereka yang di-lateh itu kecil ada-lah di-harapkan mendapat sijil peringkat Central Apprentice Board. Sekolah itu di-harap akan dapat mengeluarkan 100 orang pemuda tiap² tahun yang terlateh di-dalam berbagai² lapangan membaiki jentera. Sa-terusnya MARA sedang meranchang untuk membena sa-buah lagi sekolah saperti itu di-Utara Malaysia.

Dalam pemberian pinjaman modal pula MARA tidak menguntokkan wang tambahan kepada ranchangan pinjaman kerana dengan tambahan sa-banyak \$2,000,000 pada tahun lalu, modal pusingan bagi ranchangan tersebut telah meningkat kepada \$8,000,000 dan jumlah ini ada-lah di-fikirkan menchukupi.

Walau bagaimana pun saya suka menarek perhatian tuan² bahawa jumlah pinjaman yang di-keluarkan oleh MARA ada-lah makin bertambah. Pada tahun 1968 sahaja MARA telah mengeluarkan pinjaman sa-banyak \$7.4 juta. Angka ini jika di-bandingkan dengan pinjaman² sa-banyak \$4,000,000 dalam tahun 1967 dan kira² 3.5 juta pada tiap² tahun sa-belum tahun 1967 menunjukkan bahawa jumlah pinjaman yang telah di-keluarkan itu merupakan hampir² dua kali ganda daripada tahun² yang lalu. Sa-lain daripada

itu di-dapati bahawa satu² pinjaman juga telah bertambah besar yang meliputi berbagai² jenis perniagaan. Ini membuktikan bahawa orang² Melayu sudah pun menunjukkan kemajuan-nya di-dalam lapangan² perniagaan. Ia juga membuktikan bahawa orang² Melayu sudah mula masok dalam lapangan² perniagaan yang baharu yang memerlukan modal yang lebeh besar dan dalam tahun ini ada-lah di-jangkakan jumlah pinjaman saperti ini akan lebeh banyak dan besar lagi.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Dewan ini sedia ma'alum, MARA telah menjalankan perkhidmatan bas-nya di-seluruh Malaysia khas-nya di-jalan² yang baharu di-buka di-kawasan² luar bandar. Dalam tahun 1969 ini ada-lah di-jangka sa-banyak 2,823 batu lagi akan di-tambah kepada jumlah batu perjalanan perkhidmatan bas MARA yang ada sekarang, ini menjadikan 3,754 batu kesemua-nya. Untuk menyelenggarakan perkhidmatan bas baharu ini dan juga bagi mengembangkan perkhidmatan² yang ada wang sa-banyak \$2.6 juta telah di-peruntukkan. Di-samping itu MARA juga menguruskan usaha² bagi melateh bumiputera dalam urusan kenderaan dengan tujuan supaya mereka dapat menjalankan perniagaan kenderaan² bas ini dengan sendiri. Langkah² telah pun diambil bagi menggalakkan bumiputera membeli aleh saham² daripada Sharikat Bas MARA yang sudah menunjukkan kemajuan-nya.

Sa-bagaimana yang tuan ma'alum MARA telah pun menubuhkan Yayasan Pelajaran MARA untuk mengutip derma daripada orang ramai serta menggambungkan berbagai² pertubuhan biasiswa yang ada di-negeri ini. Sa-bagaimana yang telah saya katakan sa-waktu melancharkan Yayasan ini dahulu bahawa ia-nya merupakan satu²-nya bukti yang nyata bahawa ra'ayat bumiputera telah mula² sedar akan peri mustahak-nya semangat JAYA DIRI. Semangat ini merupakan satu kesedaran bahawa kita tidak-lah mahu bergantung sa-mata² kepada Kerajaan malahan kita hendak menunjukkan kemahuan, kemampuan dan kebolehan kita untuk melanjutkan pelajaran tinggi dengan chara mau-

fakat dan bantu-membantu. Sukachita saya menyatakan bahawa dalam masa yang begitu sengkat pehak Yayasan sa-hingga hari ini telah menerima kutipan yang berjumlah hampir² dua juta ringgit. Sa-laras dengan ketetapan Konggres Ekonomi Bumiputera tahun lalu, MARA akan menubuhkan sebuah sharikat insurance dalam tahun ini. Sa-buah Jawatan-kuasa telah pun di-tubuhkan bagi mengatorkan dan mengkaji butir² lanjut mengenai-nya.

Tuan Pengerusi, izinkan saya beraleh kepada Pechahan-kepala 3, 21, dan 31 dalam Anggaran Perbelanjaan ini. Di-bawah Pechahan-kepala 3—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memerlukan \$4.5 juta untuk melaksanakan beberapa ranchangan² pembangunan yang kecil di-kawasan luar bandar di-Malaysia Barat. Peruntukan sa-banyak \$500,000 pula seperti di-bawah Pechahan-kepala 21 ada-lah di-chadangkan untuk ranchangan² kecil di-negeri Sabah dan wang sa-banyak \$1 juta lagi di-bawah Pechahan-kepala 31 ini ada-lah untuk tujuan yang sama bagi negeri Sarawak. Sa-bagaimana biasa peruntukan² ini ada-lah di-gunakan untuk membena jalan² kecil, jambatan² kampung, jetty², dewan² orang ramai dan lain² lagi ranchangan kecil yang di-perlukan oleh ra'ayat di-luar bandar. Ranchangan² kecil ini ada-lah di-bena untuk memberi kemudahan² sa-chara langsung dan serta-merta kepada ra'ayat.

Sa-bagaimana yang tuan² sedia ma'alum kebanyakan daripada ranchangan² ini ada-lah di-bena dengan chara gotong-royong dan chara ini bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan pembenaan pada tiap² ranchangan itu, tetapi juga membangkit serta mengembangkan lagi semangat bekerjasama di-kalangan ra'ayat sakalian mengikut kemajuan zaman yang sedang di-alami oleh negara kita sekarang ini.

Mengenai Pechahan-kepala 4 pula wang peruntukan sa-banyak \$500,000 ada-lah di-perlukan untuk meneruskan kerja² di-dalam bidang penempatan, pengumpulan dharurat di-negeri Sabah dan Sarawak. Ranchangan penempatan sa-mula tersebut ada-lah di-bekalkan dengan kemudahan² yang mustahak

saperti jalan masuk, bekalan letrik dan ayer, sekolah² dan rumah² kesihatan. Sa-bahagian besar daripada jumlah ini akan di-gunakan untuk ranchangan pembangunan pertanian bagi peserta² yang di-tempatkan di-dalam kawasan² penempatan, pengumpulan dharurat di-kedua² negeri itu.

Di-bawah Pechahan-kepala 7—Pekan² Sa-hari, peruntukan sa-banyak \$50,000 ada-lah di-untukkan bagi pembenaan Pekan² Sa-hari di-Malaysia Barat. Ia-nya di-bena di-bandar dan juga di-kampung² untuk menyediakan kemudahan² pemasaran bagi hasil² dari luar bandar.

Tuan Pengerusi, di-bawah Pechahan-kepala 8, peruntukan sa-banyak \$2 juta itu ada-lah merupakan pinjaman Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Trengganu bagi menjalankan ranchangan kelapa sawit di-negeri itu bagi tahun ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan² yang telah di-kemukakan tadi ia-lah bagi ranchangan² pembangunan yang di-usahkan melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya yakin dan penoh keperchayaan bahawa dengan ada-nya usaha² penyaamaan yang tegas dari Kementerian ini, badan² yang di-tugas bagi melaksanakan ranchangan² itu akan berjaya mencapai matlamat²-nya dan kejayaan² seperti itu akan memberi kesan² yang baik kepada pembangunan ekonomi negara ini khas-nya kepada penduduk² luar bandar.

Sekian-lah, Tuan Pengerusi, saya minta izin membawa chadangan ini.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kema-man): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap dalam dua perkara sahaja dengan sa-berapa rengkas. Pertama, berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Sa-takat yang kita tahu hingga masa ini Lembaga Kemajuan Tanah ia-lah menitek-beratkan dalam usaha-nya menanam kelapa sawit dan getah. Kedua² jenis tanaman ini ia-lah kita tidak dapat hasil-nya melainkan menunggu masa yang lama ia-itu tiga empat tahun atau pun tujuh tahun. Banyak Ahli² dalam Dewan ini

menerangkan rasa kebimbangan-nya tentang persaingan dalam mengeluarkan hasil kelapa sawit ini. Dan begitu juga getah yang mana kita tahu perlawanan dengan getah² tiruan yang di-keluarkan oleh negara² lain.

Saya rasa ada-lah menasabah bagi Lembaga Kemajuan ini memikirkan untuk menanam jenis² tanaman yang lain lagi yang bukan sahaja untuk di-hantar keluar negeri, tetapi untuk memberi hasil dalam negeri ini juga, ia-itu seperti tanaman kopi dan padi, sa-bagai-mana yang telah saya shorkan pada masa yang telah lalu, kerana apa yang kita tahu kelapa sawit dan getah ini ia-lah untuk keluar negeri. Sa-lain daripada itu kalau berlaku satu² perkara yang menghalang kita mengeluarkan hasil² ini, maka kita ada juga hasil² yang dapat kita gunakan untuk keperluan anak² negara kita ini seperti yang saya sebutkan tadi ia-itu padi dan kopi. Lagi pula, kedua² jenis tanaman ini ia-itu terutama sa-kali padi, orang² yang menjadi peserta tidak-lah terpaksa menunggu masa yang lama untuk menerima hasil-nya, ia-itu lebeh² lagi pada masa sekarang ini kita ada menanam padi yang boleh di-tanam dua kali sa-tahun. Maka sebab itu-lah saya berharap dengan sa-berapa yang dapat pehak Lembaga Kemajuan ini dapat berusaha bagi menanam jenis² yang saya sebutkan itu sa-lain daripada jenis² yang telah ada sekarang.

Soal yang kedua ia-lah Pechahan-kepala 8—Ranchangan Kemajuan Tanah dan Kelapa Sawit, Trengganu. Menurut apa yang terchatit dalam buku ini ia-itu peruntokan sa-banyak dua juta ringgit sahaja yang di-berikan bagi tahun 1969 ini. Apa yang saya tahu menurut ranchangan yang telah di-buat oleh Kerajaan Negeri ia-itu lebeh daripada 3 juta ringgit yang akan di-hajati oleh pehak Kemajuan Tanah Negeri Trengganu ini. Oleh itu saya harap pehak Kementerian ini akan memberi peruntokan yang lebeh dan meminta peruntokan tambahan pada masa akan datang supaya segala ranchangan yang telah di-sediakan itu tidak tergendala untuk di-lancharkan dalam tahun ini juga.

Soal yang akhir, Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan meng-ucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kementerian ini yang telah melancarkan ranchangan pembangunan luar bandar, terutama sa-kali di-Trengganu, dalam kawasan saya di-Kemaman yang boleh di-katakan membawa satu perubahan besar di-tempat itu. Dan saya harap pada masa akan datang projek² yang lebeh besar lagi dapat di-lancarkan dari satu masa ka-satu masa.

Sekian, terima kaseh.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ia-itu mengalu²kan peruntokan perbelanjaan dalam Kementerian ini kerana saya rasa Kementerian ini-lah satu²-nya anak kunci kemajuan negara termasuk kemajuan luar bandar. Dengan Kementerian ini-lah satu switch lampu untuk menyulohi seluruh tanah ayer kita yang di-chintai ini dan dengan ada-nya ranchangan pembangunan luar bandar ini-lah kita nampak dengan terang dan jelas akan kemajuan² yang pesat terhadap tanah ayer kita yang baharu sahaja mencapai kemerdekaan yang mana kalau di-bandingkan dengan negeri² lain yang telah pun lama mencapai kemerdekaan, maka Malaysia ini ada-lah sa-buah negara yang boleh di-banggakan di-dunia sa-belah sini.

Tuan Pengerusi, saya hanya akan berchakap atas dua tiga perkara sahaja mengenai hal ehwal negeri Perlis. Pertama sa-kali berkenaan dengan hal ehwal tanah pinggir. Pada masa yang lalu negeri Perlis ada-lah sa-buah negeri yang patut di-banggakan dengan bantuan pinjaman daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan beribu² ekar tanah pinggir dalam negeri Perlis. Dan keadaan itu telah berjalan dengan baik dan aman-nya serta maju kira² tiga tahun, tetapi pada tahun yang lalu dengan tidak di-sangka² hampir seluruh tanah pinggir itu telah di-serang oleh api dan semua kebun² yang saya katakan tadi, tanah pinggir tadi ini, telah terbakar hangus dan menyebabkan Kerajaan Perlis menanggung kerugian yang banyak.

Berhubung dengan ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan Perlis amat-lah menang-gong dukachita yang amat sangat kerana kalau pun hendak di-tanam sa-mula dengan getah² tentu sa-kali memakan masa yang panjang dan menanggung kerugian yang banyak. Negeri Perlis, Tuan Pengerusi, pun sedia ma'alum ada-lah sa-buah negeri miskin, sa-buah negeri yang tidak mempunyai hasil² yang banyak dan tidak dapat membiayai sa-mula atau memulehkan sa-mula tanah pinggir yang terbakar tadi ini. Jadi dengan melalui Dewan ini saya merayu kepada pehak yang berkenaan, kepada Kerajaan Pusat, supaya dapat menghapuskan hutang Kerajaan Negeri Perlis terhadap pemulehan tanah pinggir tadi ini. Dan tanah itu dengan serta-merta hendak-lah diserahkan balek kepada Kerajaan Negeri Perlis untok di-jadikan berbagai² ranchangan ia-itu tanaman² yang boleh mendatangkan hasil dengan segera.

Tanah pinggir yang saya sebutkan tadi ini telah di-siasat oleh pehak pakar² tanah pakar² hasil bumi, dan di-dapati sesuai dengan tanaman ubi kayu, dengan tanaman kacang goreng dan juga dengan tanaman² yang lain. Dengan ada-nya ranchangan besar²an pemulehan tanah ini ia-itu dengan bertanam ubi kayu dan lain² tanaman saya rasa penduduk² atau pemilek² tanah pinggir tadi ini, yang gagal tadi ini akan dapat menghasilkan hasil² yang banyak dan dengan itu negeri Perlis juga akan mendapat keuntungan dan hasil² yang banyak daripada pemulehan tanah² tadi ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan bekalan letrik. Saya dapat ketahui Pancharan Borong Rangkaian Barat LLN telah di-adakan baharu² ini di-Pekan Kangar. Yang saya faham ia-lah untok memberi bekalan api letrik kepada seluruh Negeri Perlis. Tetapi saya dapat ketahui chuma 18 per cent sahaja daripada orang² dalam negeri Perlis ini yang dapat bekalan api letrik dan yang 82 per cent lagi belum dapat apa² pada masa ini. Pada masa dahulu boleh-lah di-katakan tidak boleh kerana power letrik-nya tidak mencukupi. Saya faham Kerajaan membelanjakan wang

yang banyak menolong membantu LLN ini ia-lah supaya penduduk² luar bandar pun boleh mencapai nikmat api letrik itu, tetapi sa-bahagian besar penduduk² negeri Perlis tidak dapat mengechap nikmat itu, kerana LLN ini tidak dapat mengadakan bekalan itu sa-hingga di-luar² bandar jika tidak ada bantuan daripada Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Perlis, sa-bagaimana saya katakan tadi, sangat kekurangan wang, tidak dapat memberi bantuan kerana ini dan di-harap Kerajaan Pusat akan menolong sa-bahagian daripada perbelanjaan itu membantu supaya orang² di-luar bandar pun boleh mendapat bekalan api letrik saperti di-pekan² jua kerana saya telah dapat banyak sungatan² daripada orang² yang dudok di-kampong² yang berhampiran dengan pekan saperti Kampong Bakau, Kampong Sena, Kampong Pondok dan lain² daerah yang berdekatan dengan itu yang jarak-nya kurang daripada $\frac{1}{4}$ batu sahaja daripada pekan Kangar. Dan penduduk² di-sana ramai dan semua-nya berkehendakkan bekalan api letrik, tetapi LLN tidak dapat memberikan kerana di-kehendaki oleh Kerajaan Negeri membantu perbelanjaan itu. Jikalau bagini-lah keadaan-nya harus orang² yang diam di-luar bandar khas-nya dalam negeri Perlis ini tidak berpeluang langsung mendapat bekalan api letrik.

Oleh yang demikian saya harap Kerajaan yang berkenaan, Kementerian yang berkenaan, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya perkara ini dapat di-atasi. Sekian-lah, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Chin Foon (Ulu Kinta) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise here to participate in the debate on the Estimates of the Ministry of National and Rural Development, under Head 126.

Sir, I am more concerned about the rural development schemes particularly in my area of Ulu Kinta. My constituency of Ulu Kinta is a constituency that is surrounding the Ipoh Municipality area which is a stronghold of the Opposition—the Peoples' Progressive

Party of Malaya—and everybody in this country knows that this Party consists of a leadership of two lawyer brothers. In fact, in the Ipoh Municipality area, they are quite strong politicians. So, I am more concerned about the rural development schemes, particularly in the kampongs surrounding the Ipoh Municipality area. I also have the same concern, like my colleague who has spoken just now, about rural electrification, because ninety per cent of these kampongs are not supplied with electricity and these *bumiputras* have the feeling that the Alliance Government is treating the bumiputras in my constituency as second-class citizens, which I think is not very fair. So, in particular, I wish to draw the attention to the Minister concerned to this and request him to try to expedite the electrification of these kampongs in my area. There is a Chinese New Village known as Changkat Canning which is very close to the mains of the Tanjong Rambutan Central Mental Hospital, from which the electricity supply could be tapped, because it is just about one and a half miles away. This village has been ignored for several years. So, I should be grateful since most of the New Villages have been electrified except the Malay kampongs in my area, which have been left untouched, if the Minister would look into this.

Now I come to the next subject about the Adult Education Classes. I am glad that our Government has implemented this scheme to form these Adult Education Classes in kampong areas and New Villages, but I have one request to make that, as most of these New Villages have been Chinese-populated areas, it poses a difficult problem, because these Adult Education Class teachers are Malays and it will be difficult for them to explain to these people in detail or interpret to them in Bahasa Kebangsaan. So, I wish to request our Minister to look into this matter of these Chinese New Villages, and ask him to be good enough to send Chinese Adult Education teachers to that area, so that at least they could coach them better.

Now, I come to the next point about water supply and roads. In regard to water supply in my constituency I should be very thankful if all the New Villages will be supplied with pipe by the Government. 90% of the kampongs in my Constituency have been left in the lurch. That is why most of the kampongs like Kampong Ulu Kuang, Kampong Jasa, Kampong Ulu Chemor, Kampong Chepor, Kampong Tanjong and Kampong Ulu Tujoh, are without water-supply. Some of these kampongs are on hilly land, and at times they have to sink a well 35 or 40 feet and even then during the dry season they would not be able to get water and then they have to go to the main standpipe to get water, which causes a lot of inconvenience to them. So, in particular, I wish to urge the Minister to look into this matter of water supply and then probably try to extend water supply to most of the kampongs in my Ulu Kinta area.

Lastly, Sir, I wish to touch on roads. There is a rural road leading from Chemor to these three kampongs, i.e. Kampong Ulu Chemor, Kampong Jawa and Kampong Ulu Kuang. This road stretches to a length of five miles, and this road is made of only laterite and during the rainy season you can find a lot of mud, and then it is difficult for cyclists to make use of the road. During the dry season, when a vehicle passes, you will see a dust-storm, whereby one cannot see head-on vehicles coming and thus it is liable to cause motor accidents. In addition to this, MARA has already planned to operate a bus service through this road, but its complaint is that we do not have a proper road because the road is rugged and so it is difficult for MARA to operate a bus service through that particular rural road. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja. Saya menyokong penoh atas peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dan saya hendak berchakap di-atas Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkhidmatan bas yang di-uruskan oleh MARA di-luar² bandar boleh di-katakan memuaskan. Saya ingin hendak menarek perhatian pehak yang berkenaan, berkenaan perkhidmatan bas di-dalam bandar yang di-uruskan oleh sharikat² bas yang mana sering kali oleh kerana banyak orang² yang hendak menompang bas itu, maka terpaksa-lah sharikat itu menambahkan beberapa buah bas untuk hendak menchukupi memberi perkhidmatan kepada orang ramai, dan di-sharatkan mesti di-beri peluang kepada bumiputra atau orang Melayu membeli saham daripada sharikat² bas yang lama ini. Saya berharap pehak MARA saham yang akan di-jual kepada bumiputra ini di-beli oleh MARA atau pun di-uruskan oleh MARA dan biar-lah MARA bertanggung-jawab untuk menjual saham itu kepada orang Melayu, kerana kita dapati perkara ini berlaku bermacam² di-dalam masaalah ini. Sa-kira-nya MARA mengambil alih peruntukan bagi tambahan saham bagi orang Melayu ini saya perchaya akan dapat membereskan lagi perjalanan bas² yang besar² dan memuaskan hati bagi semua pehak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, perkhidmatan bas sudah pun di-ambil langkah oleh MARA. Saya ingin menarek perhatian pehak yang berkenaan supaya mengadakan ranchangan perkhidmatan pengangkutan dengan sa-chara lori. Ini ada-lah satu perkhidmatan yang boleh mendatangkan keuntungan yang besar yang saya perchaya sa-kira-nya MARA mengambil langkah untuk mengadakan beberapa buah lori untuk membawa barang² keluaran daripada bumiputra khas-nya dan orang² lain, maka dapat-lah memberi lebih kemudahan kepada bumiputra, peluang kepada bumiputra, untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan lori.

Pechahan-kepala 7—Pekan² Sa-hari. Saya perchaya di-antara Ahli² dalam Dewan ini ada yang bersetuju dengan saya, ranchangan pekan sa-hari ini ada-lah satu ranchangan yang di-katakan dalam bahasa Inggeris out of date—ranchangan yang lama dan tak dapat

sambutan daripada peniaga² kita yang kechil², oleh kerana pada masa dahulu pekan sa-hari ini sangat maju, kerana jauh daripada kampung, dan jalan raya pun tak ada; sekarang boleh di-katakan banyak jalan raya dan banyak kemudahan² bagi orang² kampung keluar ka-pekan². Oleh yang demikian saya mengshorkan kepada pehak MARA supaya bukan dengan chara hendak menubuhkan Pekan Sa-hari bahkan Pekan Hari² supaya dapat-lah ahli² peniaga kita yang kechil² berniaga tiap² hari. Kalau kita adakan pekan sa-hari banyak-lah kesulitan kerana ahli² kita boleh berniaga sa-hari dalam sa-minggu. Ini tentu-lah tidak boleh mendapat untong yang banyak untuk hendak memberi sara hidup kepada keluarga-nya. Saya berharap-lah pehak MARA ini akan menimbangkan, membena beberapa pekan² sa-hari dengan sa-chara di-lengkapkan gerai² dan saya sendiri telah pun buat perkara itu dengan bantuan MARA sa-banyak \$20,000 dan saya ucapkan terima kaseh dan kita jadikan pekan² sa-hari dan dapat-lah peluang kepada ahli peniaga bumiputra berniaga di-sana atau belajar berniaga sa-hingga mereka itu dapat kemahiran dalam perkara perniagaan kechil² dan dapat-lah mereka masuk ka-lapangan perniagaan besaran² pada masa hadapan.

Perkara yang menjadi kesulitan yang besar sa-kali pada masa sekarang ini di-antara peniaga² kechil ia-itu kedai² rempah-chili, barang² keperluan hari² ia-lah masaalah mendapatkan barang² borongan, kerana pada masa sekarang ini tidak ada satu sharikat bumiputra sendiri yang menguruskan sa-chara borongan barang² keperluan kedai² kechil.

Saya berharap pehak MARA akan menganjorkan dan dengan menubuhkan pertama sa-kali ia-lah sharikat import export bagi barang² keperluan hari² yang di-gunakan oleh orang Melayu khas-nya, dan mengadakan beberapa gudang² di-ibu² kota Negeri masing² supaya dapat barang² borongan itu di-hantarkan kepada pekedai² yang kechil² dan memberi kemudahan kepada mereka itu membeli barang² daripada borongan² sharikat bumiputra

sendiri yang mana tidak begitu mahal harga-nya dan dapat-lah mereka ini untong yang lebeh sedikit. Sa-kira-nya tidak di-adakan kedai borongan, atau pun sharikat² borongan, saya perchaya bumiputra tidak akan boleh maju dalam masalah perniagaan.

Sekarang kalau kita melawat ka-kampong² di-mana² tempat juga banyak di-antara bumiputra sudah pun masuk dalam bidang perniagaan kechil², jika kita masuk dalam sa-buah kampong ada mempunyai 50 buah rumah, maka kita boleh dapat sa-buah kedai² runchit. Jadi jikalau ada dengan chara kedai borongan maka akan menolong pekedai² runchit ini mendapatkan barang² keperluan bagi kemudahan mereka itu. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, muka 46, Kepala 126—Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Pechahan-kepala 2—Majlis Amanah Ra'ayat. Tuan Pengerusi, tiap² bumiputra sangatlah terhutang budi kepada Kementerian ini di-atas jasa² yang chemerlang dan di-atas keberanian mereka menghadapi sa-barang chabaran demi kepentingan anak bumiputra bagi keamanan Malaysia di-masa hadapan.

Tuan Pengerusi, di-dalam usaha Menteri Muda ketika mengemukakan Anggaran Pembangunan ini beliau ada menyentuh berkenaan dengan pembangunan sa-buah Kilang Basikal berkongsi bersama dengan Sharikat Raleigh. Berkenaan dengan perkara yang tersebut, Tuan Pengerusi, saya pernah dengar desas-desus daripada ahli² perniagaan yang bukan bumiputra, kata mereka sa-kira-nya jika MARA tidak beri peluang bersama di-dalam perusahaan Kilang Basikal ini, maka mereka akan memulaukan penjualan-nya apabila di-buka kelak.

Jika benar berita yang tersebut itu, Tuan Pengerusi, saya berasa amat-lah sedih dan dukachita-nya kerana tidak ada sebab mengapa keturunan yang bukan bumiputra di-Malaysia ini maseh mempunyai tebal perasaan perkauman-nya. Anak bumiputra Malaysia bukan berniat hendak merampas kekayaan

sa-siapa dan menghalang kebebasan berniaga bagi sa-saorang, namun anak² bumiputra mahu sa-imbang kemajuan ekonomi mereka bersama dengan kemajuan ekonomi yang bukan bumiputra; orang² yang bukan bumiputra tidak sa-harus menyalahkan pemimpin² besar Perikatan. Apa yang harus mereka menyalahkan ia-lah penjajah, kerana penjajah-lah yang telah membawa anak bumiputra merana, papa dan miskin dalam negara-nya sendiri sa-bagaimana trajidi yang telah berlaku ka-atas nasib Red Indian di-Amerika. Apa-kah chita² ra'ayat yang bukan bumiputra mahu menjajah dan menindas ekonomi bumiputra untuk menggantikan penjajah yang kedua di-abad Malaysia merdeka ini.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada ra'ayat yang bukan bumiputra demi keamanan dan ke'adilan negara, marilah kita bekerjasama tolong-menolong dan bantu-membantu terhadap timbangan ekonomi bumiputra. Tuan Pengerusi, dalam bandar besar di-Malaysia ini perusahaan² dan perniagaan² anak bumiputra boleh di-kata tidak begitu mendapat sambutan dan kerjasama dengan orang² yang bukan bumiputra. Kenapa dan mengapa? Apa yang lebeh burok-nya, Tuan Pengerusi, baharu² ini ada pula gulongan yang chuba merachunkan fikiran orang yang bukan anak bumiputra dengan menggunakan bahasa sentiment, kami-lah orang² yang telah berbanting tulang dengan mengeluarkan titek peloh, mengurbankan jiwa raga kerana pembangunan dan kemajuan negara. Tuan Pengerusi, ini ada-lah rachun yang paling merbahaya, dan di-harapkan pehak Kementerian harus mengawasi anasir² yang tersebut itu.

Sa-lain daripada yang tersebut, Tuan Pengerusi, ada lagi kekechohan di-gudang² yang besar² terhadap kebolehan anak² bumiputra. Ada pernah berlaku penuntut² yang telah tamat daripada Maktab MARA pernah mendapat kerja di-dalam gudang kereta di-Ibu kota ini, tetapi, Tuan Pengerusi, kereta jenis apa-kah yang di-tugas kepada anak bumiputra menjual-nya, ia-lah kereta² yang jenis besar, kereta² yang tidak begitu popular, tetapi kereta²

yang jenis kechil yang laris, tidak di-beri kepada anak² bumiputra. Akhir-nya dia kata awak tidak layak dan boleh berhenti.

Bagini-lah, Tuan Pengerusi, nasib daripada satu masa ka-satu masa yang telah menimpa ka-atas anak bumiputra. Bagi kepentingan di-masa depan, Tuan Pengerusi, saya menhadangkan supaya pehak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dapat mengadakan satu seminar yang mengandongi ahli² Dewan Perniagaan daripada Dewan² Perniagaan China, Dewan² Perniagaan India dan Dewan Perniagaan Melayu atau bumiputra untuk merintis jalan bagi menolong bumiputra dalam meninggikan taraf hidup mereka di-dalam perniagaan dan perusahaan bagi masa yang akan datang.

Akhir-nya saya dengan sukachita-nya memberi sokongan penoh di-atas anggaran Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, dalam membahathkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana kawasan saya seluruh-nya duduk di-luar bandar. Dan dengan keadaan atau pun dengan projek² yang telah di-laksanakan sa-kali lagi saya menguchapkan tahniah. Tetapi perkara kechil sa-belum saya masok pada Pechahan-kepala 2, saya masok pada Pechahan-kepala 3 dahulu, ia-itu terlampau banyak sungutan sekarang ini berkenaan dengan projek² untuk mendirikan balai raya kechil, atau pun bilek² bacaan di-kawasan² luar bandar ketinggalan, satu, ia-itu tidak di-masokkan estimate tandas. Jadi, kadang² perkara ini susah juga kalau ada tetamu atau pun sa-siapa sahaja yang hadir dalam majlis hendak buang ayer pada masa² yang tertentu sangat-lah susah dan ini patut-lah pehak Kementerian ini mengambil pandangan dan kalau sa-kira-nya mustahak, dan saya pandang mustahak, harus-lah di-jalankan pada masa akan datang.

Kemudian saya masok pada perkara Pechahan-kepala 2 ya'ani Majlis Amanah Ra'ayat. Saya sukachita mendengar MARA telah pun menjalankan penyiasatan untuk membeli satu kampeni bas ia-itu Patt Hup di-Melaka yang membawa penumpang² dari bandar Melaka ka-barat, ia-itu akan masok ka-kawasan saya, tetapi nampak-nya pada akhir² ini keputusan-nya belum lagi di-dapati. Saya dengar hanya pertikaian antara jumlah pembayaran yang di-tuntut oleh pehak kampeni yang lama dengan MARA. Jadi, saya pandang kerana perusahaan bas yang telah berjalan ini telah berpuluh² tahun dan rasa untuk menge-luarkan sedikit modal daripada pehak MARA ini tentu-lah tidak akan meru-gikan kerana perusahaan ini akan dapat di-jalankan dalam jangka yang panjang. Dan satu perkara yang saya hendak sebutkan dalam hal perusahaan bas ini, saya suka meminta pehak MARA mengulang kaji di-atas kelulu-san atau pun di-atas rancangan me-ngadakan perkhidmatan² bas dengan jalan² yang pendek. Ada suara² yang baik yang saya dengar daripada kampeni² bas terutama sa-kali di-Melaka memberi tahu saya sa-kira-nya di-pang-gil kampeni² yang besar yang telah sedia ada ini berunding dan bersama² men-jalankan rancangan yang baik barang-kali perkhidmatan bas yang baharu² di-tubuhkan terutama sa-kali yang di-khaskan kepada bumiputra ini akan dapat kemajuan yang lebeh berguna pada masa yang akan datang, kerana perkhidmatan bas yang tembok² dia boleh mengambil orang daripada pusat, kemudian di-tengah² jalan tidak boleh mengambil penumpang², kemudian apabila masok ka-satu simpang yang 4 atau 5 batu jalan baharu, baharu boleh mengambil penumpang. Pergado-han boleh berlaku dalam masaalah ini, kerana di-tengah² jalan harus juga entah baik hati driver yang membawa bas ini dia berhenti melihatkan orang hendak pergi ka-satu² tempat, atau pun hendak balek, kalau sudah kemalaman, tetapi perkara ini me-nyalahi Undang², atau pun peratoran yang di-putuskan di-antara bas yang asal dengan bas² yang baharu. Jadi, saya rasa kalau perkara ini dapat di-atasi dan dapat di-rundingkan, atau pun

dapat di-beri, atau di-semak sa-mula langkah² yang ada atas persetujuan kapada tiap² pehak, saya rasa perkhidmatan bas MARA yang sa-lama ini ada tempat²-nya yang menempoh kerugian akan dapat kita timbulkan keuntungan dan akan menjadi peransang pula kapada ra'ayat—kapada bumiputra, untuk membeli saham apabila di-jual, atau pun apabila hendak di-alehkan kapada bumiputra pada masa akan datang.

Sa-lain daripada itu, saya suka membawa perhatian dalam hal MARA mendirikan kedai² perniagaan atau bazaar di-kawasan luar bandar. Saya memandang, umpama-nya, bazaar yang ada di-Alor Gajah. Alor Gajah ia-lah sa-buah pekan dan bazaar yang didirikan ini merupakan bilek² yang kurang panjang ka-belakang, kerana simpan barang tidak ada, hanya tempat tidor dan kalau bazaar ini sudah di-naikkan peringkat-nya hampir² kapada kedai, tentu-lah pada fikiran kita mengingatkan bahawa tiap² kedai perniagaan akan di-tunggu oleh orang pada malam hari untuk menjaga keselamatan harta-benda, atau perniagaan mereka ini, tetapi dukachita kerana apa yang di-katakan oleh peniaga² yang telah pun masok penoh ka-dalam tempat² perniagaan ini, tempat hendak memasak ayer pun kurang, atau pun tidak ada tempat-nya di-dalam bazaar yang tersebut.

Kemudian masaalah kedai yang didirikan, umpama-nya, di-Pekan Masjid Tanah ada empat buah kedai MARA yang baharu di-dirikan dan telah mula di-pakai oleh orang yang dapat berniaga, tetapi apa yang di-timbulkan oleh mereka sewa kedai ini sama taraf-nya dengan sewa yang ada di-bandar Melaka. Jadi, ini bukan-lah erti-nya bagi pehak kami orang² di-luar bandar tidak berterima kaseh di-atas ranchangan MARA yang telah memberi keutamaan kapada membawa ra'ayat bumiputra masok dalam lapangan perniagaan, tetapi kalau di-bandar Melaka orang ramai, dan tentu-lah peniaga, kalau pandai orang² yang berniaga ini, boleh mendapat hasil yang banyak, atau pun hasil untuk menimbulkan kapada menchari nafkah mereka, tetapi kalau di-luar bandar orang ini tentu-lah, atau pun perhubungan tentu-lah

kurang dan kalau sama sewa-nya tentu-lah perkara ini susah sadikit, atau pun terek sadikit bagi pehak orang² yang mula masok dalam lapangan perniagaan ini hendak bertapak dengan baik. Jadi, saya tidak-lah menhadangkan hendak di-potong sa-paroh, atau pun ini kalau ranchangan bagi pehak MARA hendak menimbulkan wang mendirikan rumah ini dalam jangka 15 tahun. Saya rasa rumah yang begitu tersergam elok buatan-nya yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya, saya rasa tentu-lah di-agak sa-hingga 20 tahun-kah untuk membalekkan modal supaya yang di-sewakan di-Masjid Tanah sana, saya suka bayangkan di-sini, ia-itu sa-banyak \$80 di-bawah, kemudian \$45 di-atas loting. Saya rasa kalau di-rendahkan sadikit daripada \$80 kapada \$60 lebeh kurang, baharu-lah sa-padan dengan kedai² yang lain kedai² yang lama di-Pekan Masjid Tanah sa-tinggi²-nya \$55 sewa. Jadi, sekarang ini kedai MARA \$80. Jadi, bukan-lah saya mengatakan benda ini mahal, tetapi kalau hendak di-timbangkan dengan baharu jenis perniagaan mereka berniaga dan baharu masok dalam lapangan ini, tentu-lah kalau hendak tiap² bulan terpaksa menchari wang untuk orang gaji dan lain², barangkali keuntungan-nya mesti hendak di-atasi sa-kurang² nya atau tujoh ratus ringgit, baharu-lah boleh menyewa sa-buah kedai yang didirikan oleh MARA ini. Walau bagaimanapun, saya simpulkan perkara ini bukan-lah berm'a'ana kami bagi pehak ra'ayat luar bandar tidak puas hati: kami menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh, kerana tidak ada jalan lain bagi pehak ra'ayat bumiputra hendak masok di-dalam medan perniagaan, melainkan sa-bagaimana anjoran daripada MARA. Saya rasa ini patut-lah kami ucapkan tahniah dan ada dua tiga tempat lagi yang sekarang ini di-kehendaki, ia-itu di-Kuala Sungei Baharu telah pun ada rayuan untuk di-kemukakan. Saya harap perkara ini akan dapat di-segerakan.

Saya hanya hendak masok sadikit lagi dalam hal Kelas Dewasa—Pelajaran Dewasa. Saya hendak bertanya kapada Menteri yang berkenaan, kelas² pelajaran dewasa ini kita telah

luluskan pada dasar-nya, pada segala butir daripada dahulu. Kalau ada orang yang menyebarkan, atau menentang kelas dewasa ini, boleh-kah tidak diambil tindakan? Ini satu pertanyaan patut-nya saya keluarkan di-sini.

Yang kedua, saya ulang balek ucapan saya entah berapa tahun dahulu, ia-itu tempat pelajar² ini, rasa saya patut di-beri kerusi meja, bukan chara cheti menulis dahulu. Jadi, rendah. Kaum² ibu ini dudok bersila, kemudian ia menulis membongkok. Jadi, perkara ini patut-lah di-ubah, di-modernkan sedikit, ia-itu di-hantar bangku², atau pun meja supaya senang-lah kaum² ibu kita menulis dengan chara yang biasa dan ini akan menjadi galakan kapada kelas dewasa. Terima kaseh.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di-dalam peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ia-itu di-dalam Butiran 3—Lain² Rancangan Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin membangkitkan di-sini ia-lah masaalah rancangan jalan raya di-dalam negeri Kelantan, ia-itu jalan raya dari Kuala Krai/Dabong. Jalan Raya Kuala Krai/Dabong ini, Tuan Pengerusi, satu rancangan lama, rancangan yang telah di-sediakan oleh Kerajaan Negeri di-dalam Buku Merah pada tahun 1960 lagi. Jadi, sampai hari ini jalan itu hanya baharu di-buat sa-paroh, pada hal-nya jalan raya sa-bagitu penting bagi kunchi ekonomik negeri Kelantan yang menjadi tanggong-jawab pembangunan jalan itu Kerajaan Pusat sampai hari ini jalan itu baharu sa-paroh di-buat dan sa-lebeh-nya lagi kita tidak mendapat berita apa² di-mana-kah tempat-nya sulit itu timbul, apa-kah sebab perkara itu tidak diteruskan kerja-nya. Oleh itu saya minta Menteri Pembangunan Luar Bandar memberi jawapan dalam Dewan ini dan mengambil tanggong-jawab.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, di-dalam masaalah Pekan Sa-hari. Saya sa-pendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara tadi, ia-itu patut Kerajaan mengkaji balek rancangan untuk Pekan Sa-hari ini yang

mana berjumlah bagi pembangunan tahun ini wang yang telah ada, ia-itu sa-banyak \$50,000. \$50,000 yang kita gunakan untuk Pekan² Sa-hari pada pandangan saya tidak berhasil, kerana bukan-lah sa-benar-nya hasil² orang kampung di-bawa ka-Pekan Sa-hari untuk di-jual kapada orang² di-bandar, tetapi sa-balek-nya barang² orang daripada bandar itu bawa ka-kampung. Jadi Pekan Sa-hari ini sa-olah² orang kampung juga yang membeli-nya. Jadi, tidak menguntungkan dari segi pertukaran barang² dan lain² lagi.

Perkara yang keenam ia-lah kelas dewasa. Saya dahulu sudah saya sebutkan di-dalam Dewan ini dan sa-kali lagi saya mahu sebutkan, ia-itu kelas dewasa ini patut pehak Kerajaan, kerana kita mahu menchermatkan wang negara, mengkaji balek sa-chara jujur, ikhlas dan teliti, ia-itu umum-nya kita dapati kelas dewasa tidak memberi faedah banyak kapada ra'ayat, bahkan achap kali kelas² dewasa ini ada sekadarkan untuk mendapatkan wang \$40 sa-bulan yang tidak menchukupi murid. Sebab itu, saya minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar sa-chara ikhlas dan jujur untuk mengkaji balek kelas dewasa ini dan sa-kira-nya kelas dewasa yang mengajar tidak menchukupi kelas-nya itu timbul satu masaalah, maka saya berharap pehak Penchegah Rasuah akan mengambil tindakan bagi menjaga kebaikan negara dan wang negara kita. Sekian-lah saya minta perhatian dalam soal ini daripada pehak Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Terima kaseh.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong):

Tuan Pengerusi, saya suka beruchap dalam Kepala 126, Pechahan-kepala 1 dan 3. Terlebeh dahulu saya menguchapkan ribuan terima kaseh kapada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kerana dapat-lah kawasan saya sampai sekarang tiga rancangan, ia-itu yang pertama Rancangan Tanah Lembah Bilut; yang kedua Kampong Sertike dan yang ketiga Chermamoi, baharu² ini dapat di-bukakan. Oleh sebab rancangan yang pertama di-dalam Malaysia ini, ia-itu Rancangan Lembah Bilut sampai sekarang sudah dekat sepuluh tahun dengan kerana

ranchangan² ini yang lama dan tentu-lah banyak perkara² telah di-timbulkan. Di-sini saya ada dua tiga perkara berkenaan dengan Ranchangan Lembah Bilut ini, dan saya harap apa² yang saya sebutkan di-sini harap-lah dapat Menteri kita mengambil perhatian dan mengambil tindakan sedikit.

Yang pertama berkenaan dengan tanah untuk menanam buah²an, ia-itu tiga ekar untuk sa-keluarga.

Rayuan meminta tanah ini saya ingat sudah dekat tiga tahun, tetapi sampai sekarang nampak-nya tanah ini belum-lah dapat di-keluarkan lagi dan peserta² di-sana selalu-lah datang ka-Pejabat Tanah meminta tanah lebeh oleh sebab mereka mahu lebeh tanah menanam buahan², sayuran² dan lain² dan selalu-lah saya pun memberikan nasihat kepada mereka juga. Rasa saya tidak ada satu sebab apa fasal ranchangan di-Lembah Bilut ini tidak chukup tanah. Oleh sebab saya dapat tahu kita ada lebeh lagi 5,000 ekar tanah yang belum di-buka lagi dan sekarang hari² kita dapat peserta² dari Lembah Bilut datang ka-Pejabat Tanah meminta tanah dan Pegawai Daerah pun pusing kepala, saya pun pusing kepala juga. Saya katakan, kalau peserta² di-Lembah Bilut itu tidak chukup tanah, macham mana orang luar sana boleh mendapat lebeh tanah. Ini ada-lah satu hal yang mustahak dan saya harap Menteri kita dapat mengambil perhatian sedikit.

Yang kedua, satu perkara selalu saya melawat kawasan itu pun mendapat rayuan dari peserta² di-sana, ia-itu memotong wang perbelanjaan dari pendapatan bulanan tiap² peserta² itu. Mengikut system yang memotong wang itu sekarang peserta² di-sana ingat tidak berapa sesuai oleh kerana keluarga sekarang sudah bertambah dan kalau ikut system memotong wang sekarang ini peserta² di-sana dapat susah sedikit. Sekarang saya dapat rayuan yang baharu ia-itu meminta Kementerian, kalau boleh-lah, memotong wang itu 20% dari jumlah pendapatan tiap² bulan bagi tiap² peserta itu. Saya harap Kementerian ini boleh dapat-lah perhatian dan timbangan rayuan ini dan kalau boleh ikut rayuan peserta² itu—peserta² di-sana mesti-lah

mengucapkan ribuan terima kaseh. Saya dapat tahu juga oleh sebab ini pun satu dasar kebangsaan dan ini pun dapat berkenaan dengan banyak ranchangan² di-seluruh Malaysia ini tentu-lah dapat timbangan yang saksama sedikit dan memakan masa.

Yang ketiga tiap² peserta di-Lembah Bilut itu sampai sekarang kita dapat tahu pun sudah dekat 10 tahun tetapi sampai sekarang oleh sebab peserta² boleh kira 70% peserta² di-sana pun boleh dapat dia punya hasil dan patut-lah kita mesti kaji bagi pehak Kementerian ini tentu-lah boleh memberikan berapa tiap² keluarga peserta² itu tentang hutang Kerajaan kita dan ini saya ingat patut-lah kita mesti mengambil perhatian dan kita mesti mengambil tindakan yang chepat sedikit membolehkan peserta² tahu kira² itu.

Lagi satu saya pun baharu² ini ada melawat Ranchangan Lembah Bilut dan banyak jalan² dan longkang² di-dalam ranchangan itu tidak berapa baik untuk kampong², kampong sahabat Melayu kita, kampong sahabat China kita dan kampong sahabat India kita dan di-satu tempat yang khas-nya ia-itu Kampong Lama di-sana banyak longkang² sudah rosak dan jalan itu pun tidak baik dan di-sini saya harap-lah Kementerian kita, pegawai² kita, boleh mengambil perhatian sedikit kalau ada wang lebeh sedikit harap-lah di-baiki longkang² dan jalan² itu.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan ranchangan api letrik, dan menurut Ranchangan Lembah Bilut itu peserta² di-sana pun meminta juga kalau kita dapat wang lebeh sedikit boleh-lah menjalankan satu ranchangan api letrik, api letrik itu untuk peserta² di-sana oleh sebab di-sana sekarang kita dapat tahu kawasan itu sudah maju dan banyak pendapatan dan banyak kemudahan² pun ada di-berikan oleh Kerajaan kita. Kalau kita boleh dapat jalankan ranchangan api letrik tentu-lah boleh tambah maju dan kawasan itu tentu-lah boleh dapat baik lebeh lagi.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka merayu satu hal berkenaan dengan ranchangan perojek² yang di-umumkan oleh Yang Berhormat Tun

Tan Siew Sin, Menteri Kewangan kita dalam tahun 1967 apabila beliau melawat negeri Pahang dan dia pun umumkan perojek² di-Temerloh. Perojek² ini untuk semua kampung² China di-negeri Pahang kita. Sampai sekarang perojek² ini kita tidak dapat lagi dan baharu² ini saya pun melawat di-negeri Pahang dan banyak Chawangan² MCA saya pergi dan banyak pemimpin² dari tempat² itu pun ada meminta lekas² kita punya perojek itu datang. Saya pun jawab juga-lah kalau saya pergi ka-Parlimen, ada meshuarat, saya pun tanya Menteri kita berkenaan dengan lekas² perojek² itu sila di-luluskan, chepat sadikit-lah. Di-sini saya nampak Menteri Muda pun senyum sadikit barangkali dia pun boleh tolong lekas sadikit-lah. Di-sini saya tidak chakap lebeh lagi-lah dan lagi sa-kali saya ucapkan terima ribuan kaseh kapada Tuan Pengerusi, sebab memberi peluang kapada saya beruchap di-dalam hal Kementerian ini, terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad: (*bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukup, nanti tidak dapat luluskan Anggaran ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:

Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang di-sini mengucapkan terima kaseh terhadap Ahli² Yang Berhormat yang telah membuat tegoran, chadangan, shor² dan saya akan kemukakan perkara² yang di-bangkitkan, shor² yang di-bangkitkan kapada Kementerian yang berkenaan dan di-sini madaai-lah saya memberi jawapan kapada soalan², pertanyaan² yang saya fikir patut di-jawab di-dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ada meminta supaya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan patut, kata dia, mengadakan tanaman² lain daripada getah dan kelapa sawit. Ini memang dari mula-nya lagi Lembaga ini telah sudah mengadakan ranchangan dusun-nya yang di-tanam dengan padi, buahan², sayoran² yang telah menambah pendapatan peserta² ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah. Perojek² ekonomi ini sedang berjalan dengan beberapa giat-nya dan pengkajian dan

penyelidekan sedang di-jalankan oleh pehak Lembaga atas, sama ada intercropping boleh di-jalankan dalam ranchangan² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan ada membangkitkan perkara berkenaan dengan kebakaran yang berlaku di-kawasan Ranchangan Tanah Pinggir. Saya di-beri ma'alum bahawa perkara Tanah Pinggir sekarang ini telah di-pindahkan ka-Kementerian Tanah dan Galian dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menyentuh berkenaan dengan perkara ini dalam masa perbahathan di-atas Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian-nya sa-lepas ini. Tetapi dalam pada itu saya memberi ma'aluman perkara² yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Tanah Pinggir ini ada-lah di-dalam timbangan dan perhatian pada masa ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyatakan peruntukan sabanyak \$2,000,000 bagi ranchangan kelapa sawit di-Trengganu itu tidak akan menchukupi dan meminta supaya di-tambah. Ini akan di-kemukakan kapada Kementerian yang berkenaan dan akan di-ambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kinta membangkitkan perkara guru² China patut di-adakan di-kawasan² New Village supaya lebeh² senang boleh mengajar pelajar² daripada sajumlah besar penuntut² daripada bangsa yang berasal dari bangsa China. Guru² kelas dewasa di-pileh daripada orang² yang berkelayakan sa-kurang²-nya yang telah lulus sekolah rendah dan faseh dalam Bahasa Kebangsaan. Dalam pada itu jika ada orang² bukan Melayu yang layak di-kawasan Ahli Yang Berhormat ia-itu kawasan Ulu Kinta, Kementerian yang berkenaan boleh-lah menimbangkan untuk melantek mereka, bagitu juga keadaan-nya di-kawasan² yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kinta juga membangkitkan perkara berkenaan dengan kawasan-nya banyak lagi tidak di-beri bekalan ayer paip. Ini akan di-selideki, tetapi saya suka-lah mema'alumkan perlaksanaan-nya

ada-lah sa-bagaimana ranchangan² lain juga, akan terta'alok kepada keadaan kewangan dan senarai keutamaan atau pun priority tiap² satu projek yang di-laksanakan, di-uruskan oleh Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara menchadangkan supaya MARA menjalankan kedai borong atau pun wholesale. MARA sendiri tidak ada chadangan bagi menjalankan kedai borong, tetapi MARA bersedia membantu bumiputra menjalankan perniagaan ini. Sekarang ini MARA adalah mendidik beberapa peniaga² bumiputra dalam bidang perniagaan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan juga mengatakan orang² yang bukan bumiputra yang akan menjalankan perniagaan kilang basikal yang di-chadangkan, di-jalankan atau pun di-tubuhkan oleh MARA. Sharikat basikal ini ada-lah kerjasama antara MARA dengan sharikat asing. Oleh itu tentu-lah ada juga barangkali bukan orang yang bumiputra yang menjadi pekerja² di-dalam kilang ini, walau pun begitu ada-lah menjadi dasar MARA untuk melateh bumiputra untuk menjalankan kilang² ini kemudian hari kelak.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada berchakap dengan sa-chara 'am-nya mengatakan ada orang anak² yang bukan bumiputra yang tidak bekerjasama dengan anak² bumiputra di-lapangan perniagaan. Ini perkataan sa-chara 'am ini rasa saya ada-lah merbahaya kerana saya fikir pada pendapat saya sendiri banyak orang² yang bukan bumiputra ada-lah sedar, ada-lah tahu, ada-lah berpendapat bahawa anak² bumiputra oleh kerana sudah lama ketinggalan dalam lapangan perniagaan dan perusahaan patut di-beri kerjasama, di-beri sokongan, di-beri nasehat dan sa-bagaimana barangkali Ahli Yang Berhormat ma'alum banyak sharikat² daripada orang² yang bukan bumiputra sa-lama ini telah memberi kerjasama, telah memberi nasehat, memberi pimpinan terhadap orang² bumiputra yang agaknya suka mencheborkan diri mereka dalam lapangan perniagaan dan perusahaan, kerana orang² ini sedar

bahawa sa-bagaimana yang telah di-jelaskan beberapa kali, untuk kepentingan negara, untuk perpaduan bangsa dalam negeri ini daripada bilangan bangsa, maka perlu-lah satu² bangsa yang sa-lama ini ketinggalan dalam lapangan yang penting macam perniagaan itu di-pimpin, di-beri peluang mempelajari perkara² berkaitan dengan perkara ini, perniagaan dan perusahaan, supaya perbedzaan antara satu lapisan bangsa dengan satu bangsa lain itu boleh di-rapatkan lagi dan tidak begitu jauh jarak-nya atau perbedzaan-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara meminta supaya MARA membeli saham² sharikat bas untuk di-jualkan kepada bumiputra dan menjalankan pengangkutan lori dan MARA sekarang ini sedang berunding dengan beberapa sharikat bas, Tuan Pengerusi, hasil untuk membeli saham² daripada modal tambahan ada-lah menjadi tujuan MARA menjual saham² itu kepada bumiputra bila sampai masa-nya. MARA tidak menjalankan perkhidmatan lori masa ini, tetapi sedia memberi pinjaman wang kepada bumiputra untuk membeli lori. MARA juga ada mempunyai saham dalam Sharikat Bumi Rel. Ini ada-lah sa-bagai langkah pertama dalam perkhidmatan pengangkutan lori dari pihak MARA.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara meminta supaya MARA membeli bas Patt Hup di-Melaka. Saya suka-lah mema'alumkan bahawa MARA telah mengambil keputusan tidak membeli sharikat ini kerana didapati segala perbinchangan untuk membeli ini telah gagal.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah menchadangkan supaya seminar Dewan Perniagaan Orang² China dengan bumiputra di-adakan bagi meningkatkan ekonomi bumiputra. Ini ada-lah satu chadangan yang membena, yang berfaedah dan perkara ini akan di-ambil ingatan dan perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara menchadangkan supaya bazaar² MARA menyediakan—menyatakan bazaar² MARA terlalu sempit dan tidak ada bilek tidor. Bazaar² dan

rumah² kedai MARA ada-lah mengikut jenis besar dan kecil dan sewa-nya ada-lah mengikut keadaan besar kecil kedai² itu; oleh kerana bazaar² yang kecil perlu juga di-dirikan untuk peniaga² yang tidak mampu membayar sewa yang mahal.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara membangkit²kan masalaah sewa kedai MARA. Jawapan-nya ia-lah bahawa rumah² kedai ada-lah sangat rendah yang di-kenakan pada masa ini dan pada pukul rata ra'ayat ada-lah lebih kurang 60% sahaja daripada harga pasaran. Ini ada-lah satu kemudahan istimewa untuk bumiputra.

Ada juga chadangan daripada Ahli² Yang Berhormat dari Perlis Selatan dan Tanah Merah supaya pekan sa-hari patut di-jadikan bukan pekan sa-hari, tetapi juga pekan hari². Tuan Pengerusi, pekan sa-hari yang di-dirikan sekarang ada-lah jenis semi-permanent ia-itu tidak perlu di-pasang atau di-robohkan sa-sudah perniagaan di-jalankan. Oleh itu pekan sa-hari itu sedia ada di-situ dan terserah-lah kepada peniaga² itu berniaga hari², tidak ada sekatan untuk mereka² berniaga kalau suka pada tiap² hari. Pekan sa-hari ini sa-lain daripada memberi kemudahan orang² kampung menjual hasil mereka ada-lah juga untuk memudahkan mereka membeli barang² bandar dan ada-nya pekan² sa-hari di-kampung² orang² kampung tak payah lagi ka-bandar untuk membeli keperluan² mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara juga bertanya apa-kah langkah tindakan yang boleh di-ambil terhadap orang² yang menentang pelajaran dewasa. Jawab-nya tindakan yang di-ambil itu bergantung-lah kepada keadaan, chara² dan jenis penentangan yang di-buat oleh pehak² yang berkenaan.

Chadangan Ahli Yang Berhormat memodenkan meja² cheti di-kelas² dewasa, ada dua jenis. Tuan Pengerusi, meja² yang di-sediakan, meja jenis cheti yang di-sesuaikan kepada orang² Melayu yang suka duduk bersila dan bertempoh, ada juga meja biasa untuk pelajar² yang suka duduk sa-chara moden di-atas kerusi. Persediaan² ini di-buat menurut kehendak pematapan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah menyatakan pelajaran dewasa patut di-kaji balek. Jawapan-nya, Tuan Pengerusi, ada-lah Kementerian ada chadangan mengkaji kemajuan pelajaran dewasa sa-lepas di-adakan ban-chi umum, general census, pada tahun 1970 untuk mengetahui bilangan orang² dewasa yang buta huruf dan sama ada kelas dewasa ini akan di-teruskan, atau pun tidak bergantung kepada hasil atau laporan yang di-buat oleh Jawatan-kuasa atau pun census yang di-adakan itu.

Tentang perkataan-nya kelas dewasa yang tidak berjalan bagitu betul. semenjak tahun 1967 dahulu Kementerian ada-lah bekerjasama dengan Badan Penchegah Rasuah dan ada beberapa tindakan yang tegas telah di-ambil ka-atas anggota² pelajaran dewasa yang melanggar tata-tertib yang telah di-tetapkan. Usaha ini ada-lah masa ini terus di-jalankan. Sekian-lah sa-chara ringkas jawapan penjelasan saya, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Masalaah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$51,333,171 dan \$63,720,000 untuk Kepala 126 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala² 127 hingga 128; 130 hingga 132—

Menteri Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub):

Tuan Pengerusi, saya mohon izin mengemukakan Anggaran Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian dan juga Jabatan² di-bawah-nya. Jumlah peruntukan yang di-pohonkan ia-lah \$10,894,956 bagi Kepala 127, Peruntukan sa-banyak \$5,265,000 ada-lah di-pohonkan. Ini ia-lah untuk perbelanjaan sa-chara langsung sa-banyak \$2,125,000 dan juga peruntukan sa-banyak \$3,140,000 ada-lah peruntukan sa-chara pinjaman bagi menjalankan Ranchangan Tanah Pinggir.

Tuan Pengerusi, sejak di-jalankan ranchangan ini dalam tahun 1961, sa-luas 132 ribu ekar telah di-tanam melibati sa-banyak lebih kurang 30 ribu orang peserta². Dalam tahun yang

akan datang ini Kerajaan Pusat akan meneruskan bantuan-nya kepada Kerajaan² Negeri dalam menjalankan ranchangan ini. Untuk Pechahan-kepala 2 pula, yaani bagi Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah, anggaran yang di-perlukan ia-lah \$3.2 juta. Pada tahun ini, Tuan Pengerusi, Lembaga ini akan mengambil alih 7 ranchangan² seperti berikut:

- 2 Ranchangan di-Kedah yaani di-Kubang Palas dan satu di-Kenyang melibati lebih daripada 1,000 ekar;
- 1 ranchangan di-Negri Sembilan ia-itu di-Durian Taun melibati 542 ekar;
- 1 lagi di-Sungai Durah, Ulu Trengganu, 480 ekar;
- 1 lagi di-Seri Wangi II dan juga di-Seri Wangi, Johor, 155 ekar; di-Hulu Paoh, Perak, 1,149 ekar; di-Berhala Gantang, Pahang 849 ekar.

Ini berma'ana kira² 4,753 ekar akan dapat di-jalankan oleh Lembaga ini dalam tahun 1969. Dalam tahun 1967 dan 1968 Lembaga ini telah menjalankan ranchangan-nya dalam 7 Ranchangan Tanah Pinggir yang terpaksa di-ambil alih oleh Lembaga ini.

Tuan Pengerusi, bagi Pembangunan Kemajuan Taman Negara peruntukan sa-banyak \$225,000 ada-lah di-peruntukkan. Dari sa-tahun ka-satahun banyak pelawat² yang pergi ka-Taman Negara kita, mithal-nya tahun 1966 samarai 408 orang telah pergi melawat, 1967 naik kepada 422 orang dan pada tahun 1968, 545 orang. 90% daripada pelancong² yang pergi ka-Taman Negara kita ada-lah dari luar negeri. Dengan hal yang demikian, maka nyata-lah bahawa Taman Negara ini akan menjadi satu tempat yang popular kepada tourist² daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, dalam tahun ini juga ranchangan² yang akan di-jalankan oleh Jabatan Mergasetua ini ia-lah untuk membena 15 unit rumah kakitangan rendah, 3 unit halting bungalow, 1 unit workshop dan tempat bertukang kayu lengkap dengan alat²-nya, 1 unit lagi tempat mendarat perayu atau landing stage, terpaksa kita membeli 4 buah motorbot lagi dan empat perahu bagi kepentingan pelancong² dan juga

untuk membena padang tempat bina-tang² buas mendapat makan. Kita rasa dengan ada-nya peruntukan² dalam tahun 1969, lebih banyak lagi pelancong² dapat melawat Taman Negara kita dan dengan chara demikian banyak lagi hasil² akan kita dapati.

Bagi Kepala 128—Jabatan Penyiasat Kajibumi. Jabatan ini memerlukan sa-banyak \$227,398 untuk menjalankan berbagai² ranchangan termasuk membeli alat² bagi kepentingan Jabatan ini menjalankan tugas-nya. Mithal-nya untuk Pechahan-kepala 4 bagi Pejabat² dan kelengkapan sa-banyak \$71,496 ada-lah di-perlukan untuk mendapatkan tapak bagi Pejabat² baharu di-Kuantan, Alor Star dan Segamat. Apabila Pejabat² ini dapat di-bena di-sana kerja² Jabatan ini akan dapat diperkemas dengan lichen lagi.

Tuan Pengerusi, Kepala 130—Jabatan Ukur—memerlukan sa-banyak \$900,920. Sa-lain daripada hendak membeli alat² bagi kepentingan Jabatan ini, Jabatan Ukur pula sedang dan telah membena sa-banyak 23 unit rumah² pekerja I.M.G., dan ada-lah di-jangka bahawa rumah² itu akan siap dalam tahun ini. Sejak bermula-nya ranchangan Lima Tahun Kedua sa-banyak 42 unit rumah² telah sedia di-bena. Dengan demikian pada penghujung tahun 1969 ini sa-banyak 65 unit akan siap. Untuk tahun ini anggaran yang di-perlukan untuk maksud itu ia-itu Pechahan-kepala 2—Rumah² Buroh ia-lah \$30,000 sahaja untuk membayar baki² pembayaran bagi 23 unit rumah itu yang bermula pembenaan-nya dalam tahun 1968.

Tuan Pengerusi, saya beraleh sekarang kepada Kepala 131—Orang Asli yang memohon anggaran sa-banyak \$1,000,000 untuk menjalankan tugas²-nya. Saperti yang telah saya nyatakan dahulu berkali² dalam Dewan ini tujuan Kerajaan Perikatan kita ia-lah untuk meninggikan taraf hidup Orang² Asli dengan matlamat hendak menyatukan mereka itu dengan masyarakat umum. Berbagai chara, berbagai ranchangan telah kita jalankan menerusi ranchangan pembangunan kita demi kepentingan Orang² Asli dalam negara kita ini.

Pechahan-kepala 1 mithal-nya ya'ani meluaskan perkhidmatan Kerajaan ka-kawasan hutan menghendaki sa-banyak \$268,000. Dari anggaran ini akan di-bena post² perubatan, post² pentad-biran, sekolah² rendah, asrama, kelas² dewasa dan juga rumah² guru bila mana perkhidmatan² itu tidak di-sediakan oleh Jabatan² Kerajaan yang lain. Untok tahun ini, Tuan Pengerusi, kita akan mengadakan dua buah sekolah di-Port Iskandar, Pahang, dan Ulu Leber, Kelantan. Tiga asrama untok penuntut² Orang Asli di-Port Iskandar, di-Ulu Leber dan juga di-Gunong Rapat, Perak, dan 14 buah rumah guru memandangkan bahawa bilangan penuntut² Orang Asli ada-lah bertambah tiap² tahun. Di-masa ini, Tuan Pengerusi, ada lebeh kurang 4,900 orang penuntut² Orang² Asli di-Sekolah Rendah dan Menengah termasuk sekolah² biasa. Daripada Angka itu 500 orang penuntut sedang belajar dalam Sekolah menengah. Bilangan yang dalam asrama Jabatan Orang Asli ia-lah 300 orang dan dalam asrama biasa ia-lah 200 juga dari Pechahan-kepala ini akan di-bena satu Pusat Latehan Pertanian di-Batu 37, Jalan Kuantan-Temerloh dan satu lagi di-Perak Selatan. Pusat² ini akan memberi latehan pertanian, ternakan binatang² supaya Orang² Asli ini dapat menetap di-suatu tempat sahaja dengan bergantung penoh kepada usaha tenaga mereka sendiri dan demikian tidak-lah perlu mereka mengembara daripada satu tempat ka-satu tempat untok men-chari penghidupan mereka.

Tuan Pengerusi, bagi Pechahan-kepala 2 ya'ani Projek² Kechil bagi Memajukan Ekonomi Orang Asli pula Kementerian saya memerlukan \$695,000 untok membena sa-banyak 152 unit rumah di-tempat² yang telah di-pilih untok menjadi perkampongan chontoh bagi Orang² Asli kita. Dalam tahun ini 9 tempat demikian telah pun di-pilih ia-itu di-Johor satu, di-Pahang 3, di-Perak 2, di-Selangor 1, dan Negeri Sembilan 2. Di-perkampongan chontoh itu akan di-bena rumah², satu kedai kerjasama dan juga jalan masuk Balai Raya, bekalan ayer serta juga di-tebang kawasan² keliling-nya untok maksud tanaman dan ternakan.

Beneh dan baja serta juga changkol, binatang ternakan, saperti ayam dan kambing akan di-beri kapada Orang² Asli kita. Jabatan ini juga di-jangka akan membuka enam kawasan pertanian getah atau pun kelapa ia-itu di-Pahang tiga, di-Perak satu, di-Selangor satu, dan di-Johor satu. Jika di-dapati maju tempat² ini akan mendapat lebeh lagi pertolongan daripada Jabatan Orang Asli dan Jabatan Orang Asli ini mungkin pula membuat tempat² itu sa-bagai perkampongan chontoh dengan segala kemudahan² yang baharu saya terangkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya berasa sangat gembira bahawa boleh di-katakan projek² untok Orang² Asli yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan kita, telah di-sambut baik oleh ra'ayat sakalian terutama sekali Orang² Asli dan juga dapat di-perhatikan bahawa Orang² Asli kita telah mempunyai kesadaran yang Kerajaan Perikatan kita ini sungguh² ingin memberi pertolongan kapada mereka dan dengan yang demikian mereka menerima segala²-nya dengan tangan terbuka dan hati yang senang. Juga saya sangat gembira kerana segala pembenaan rumah, sekolah, dan sa-bagai-nya telah di-jalankan sapenoh-nya oleh tenaga Orang² Asli sendiri.

Jabatan Orang Asli juga telah menubuhkan Pasokan Pembenaan yang di-anggotai keseluruhan-nya oleh Orang² Asli dan hasil yang di-pertunjokkan-nya melebehi anggapan kita. Sa-bagai chontoh, semua rumah² di-sekitar Pusat Perubatan Gombak ada-lah hasil daripada tenaga pasokan ini.

Untok Pechahan-kepala 3—Penyiasatan Penyelidikan \$10,000 ada-lah diperlukan untok membuat kajian dan penyelidikan supaya segala ranchangan² pembangunan di-kalangan Orang² Asli ini akan dapat lebeh berkesan lagi.

Pechahan-kepala 4, Tuan Pengerusi, ia-lah untok maksud pengangkutan dan perjalanan Pegawai² yang menjaga projek² pembangunan ini, dan juga untok membiayai belanja angkat-mengangkat bahan² pembangunan ka-tempat² yang tertentu.

Saya maseh lagi belum puas hati dan berdukachita kerana ranchangan yang kita jalankan di-Malaysia Barat ini demi kepentingan Orang² Asli yang mesti berharap sa-penoh²-nya kepada Kerajaan, kapada pemerintah kita belum dapat lagi kita lanjutkan ka-Malaysia Timor terutama sa-kali di-Sarawak di-mana banyak gulongan² orang bumiputra yang sunggoh² menghendaki bantuan daripada Kerajaan. Sebab-nya ia-lah masalah perundingan dengan Kerajaan Negeri belum lagi habis, ada yang berpendapat sa-patut-nya kita kena menchurahkan wang sahaja supaya ranchangan itu dapat di-jalankan sendiri oleh Kerajaan Negeri, ada pula yang berpendapat lebih elok Jabatan ini di-perluaskan kapada Negeri Sarawak dan Negeri Sabah supaya orang² bumiputra yang sa-rupa kehidupan-nya saperti Orang² Asli di-sini dapat di-jaga dan di-bantu saperti juga Orang² Asli di-sini dibantu oleh Kerajaan Pusat kita.

Tuan Pengerusi, Kepala 132—Perhutanan memerlukan sa-banyak \$3,501,638.

Bagi Pechahan-kepala 1—Bangunan² \$250,000 ada-lah di-kehendaki untuk membena 32 unit rumah kelas H di-Pusat Penyelidekan Hutan di-Kepong untuk pegawai² rendah.

Ini-lah satu daripada chara-nya Kerajaan Perikatan kita menjaga kepentingan² Pegawai² daripada berpangkat tinggi sa-hingga kapada yang sa-rendah² sa-kali.

Pechahan-kepala 3, Tuan Pengerusi, ya'ani Bangunan² Perhutanan. Pembe- naan bangunan Perpustakaan yang baharu telah di-mulakan dalam tahun yang lalu tadi. Untuk menyiapkan bangunan ini dan untuk membena sa-buah Sekolah Latehan Hutan di-Kepong; peruntokan sa-banyak \$125,010 sahaja ada-lah di-perlukan.

Bagi Pechahan-kepala 4 pula ya'ani Penyiasatan Hutan. Sejak bermula-nya penyiasatan hasil² hutan dalam tahun 1963 untuk maksud² Jawatan-kuasa Technical Land Capability Classification ma'lumat² telah di-kumpulkan bagi semua Negeri² di-Malaysia Barat ini, kechuali negeri Kedah dan negeri

Perlis. Untuk melanjutkan lagi penyiasatan² itu dalam kedua² buah Negeri yang tersebut tadi peruntokan sa-banyak \$58,000 ada-lah di-perlukan bagi tahun ini.

Pechahan-kepala 5—Kelengkapan memerlukan sa-banyak \$107,120. Ini ada-lah untuk membeli dan memasang satu kilang pengering dan untuk membayar harga mesin² yang telah di-pesan dalam tahun lalu dan juga untuk makmal Kimia.

Pechahan-kepala 6—Penyelidekan Menghutan memerlukan sa-banyak \$260,000 untuk menanam anak² kayu di-kawasan hutan yang sudah di-kerjakan. Wang sa-banyak \$500 sahaja diperlukan di-bawah Pechahan-kepala 7 untuk membayar retention fee kapada Jabatan Kerja Raya berkenaan dengan memperbaiki bekalan ayer di-Pusat Penyelidekan Hutan di-Kepong.

Tuan Pengerusi, Ranchangan Kemajuan Perusahaan Hutan di-bawah Pechahan-kepala 9 memerlukan sa-banyak \$2,181,951 untuk membayar gaji, membeli alat² dan juga membena sa-buah pejabat baharu berhubung dengan perusahaan Industrial Development Programme. Projek ini, Tuan Pengerusi, mendapat sumbangan yang besar daripada United Nations Development Programme Special Fund berupakan wang dan juga pakar²-nya. Tujuan ranchangan ini ia-lah untuk mengumpul segala maklumat² mengenai hutan kita bersangkutan dengan jenis² kayu tempatan dan banyak-nya kayu² itu supaya Kerajaan negara dapat menyusunkan satu ranchangan raksaksa kebangsaan yang boleh menentukan kelak tempat² yang patut di-adakan Pusat² Perusahaan yang menggunakan kayu sa-bagai bahan terutama dan juga untuk menentukan tempat² yang boleh di-dapati hutan tetap supaya hutan kita kekal sa-lama²-nya, supaya tidak kemudian hari kelak kita terpaksa membeli kayu, membeli papan daripada negara² luar. Projek ini meliputi, Tuan Pengerusi, seluruh Malaysia ya'ani Malaysia Barat dan Malaysia Timor dan akan mengambil masa di-antara 3 hingga 6 tahun. Oleh sebab pentadbiran bagi projek ini, Tuan Pengerusi, ada-lah di-uruskan oleh Pejabat Hutan

Malaysia Barat, maka Pechahan-kepala 22 bagi Sabah dan 34 bagi Sarawak menghendaki hanya peruntukan tanda sahaja ya'ani masing² \$10. Di-sini saya ingin menerangkan, Tuan Pengerusi, bahawa pakar United Nations telah pun pergi ka-Sarawak dan di-tempatkan di-sana untuk menjalankan penyiasatan yang baharu saya nyatakan tadi.

Pechahan-kepala 31—Pusat Penyelidikan Kayu dan Latehan Teknik menghendaki sa-banyak \$365,027 untuk membiayai perbelanjaan² penyiasatan atau pun penyelidekan mengenai chara² yang baik bagi mendapatkan hasil yang lebih daripada balak² dan juga untuk mencari kegunaan² baharu bagi kayu kayan. Peruntukan sa-banyak \$154,000 di-pohon di-bawah Pechahan-kepala 33 ya'ani Penyelidekan Hutan. Kajian² dalam bidang ekoloji wood teknologi dan lain² sentiasa perlu di-jalankan dalam perusahaan kayu kayan. Perbelanjaan yang pada tahun lalu dimasukkan di-bawah Pechahan-kepala 32 telah di-champor dalam peruntukan di-bawah Pechahan-kepala 33.

Demikian saya mohon, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Muhammad Su'at bin Haji Mohd. Tahir (Sarawak): Tuan Pengerusi, saya memberikan sokongan saya terhadap kerja yang telah dan yang akan di-jalankan oleh Kementerian Tanah dan Galian, baik di-Sarawak mahu pun di-Malaysia Barat. Saya berkata demikian oleh kerana saya sedar bahawa tugas² yang di-jalankan oleh Kementerian ini dalam bidang pembangunan tentu-lah sukar oleh kerana lapangan² pembangunan yang di-jalankan oleh Kementerian ini adalah tanggong-jawab Negeri. Kesemuanya projek² itu ada-lah bersangkutan dengan perkara Negeri atau pun State project mengikut Perlembagaan. Oleh kerana saya sedar bahawa perkara seperti perhutanan dan banyak projek² perhutanan di-jalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian ada-lah tanggong-jawab Negeri.

Saya ingin menarek perhatian Dewan yang berbahgia ini bahawa tidak berapa bulan yang dahulu akhbar² di-Sarawak telah riuh rendah dengan perkara

pengeluaran lesen² untuk membalak di-satu kawasan di-Sarawak. Mengikut laporan² itu pehak² berkuasa di-Sarawak telah pun meluluskan pengeluaran lesen itu yang mengandongi lebih kurang 400,000 ekar. Sa-telah itu laporan² itu menyatakan bahawa ada satu gulungan tertentu yang tidak senang atas pengeluaran lesen itu dan telah mempengaruhi dan menyuruh sa-orang tokoh politik dari Kuala Lumpur untuk meminta pehak Kerajaan Sarawak membatalkan lesen itu.

Laporan² itu menunjukkan bahawa tokoh² politik itu yang saya fahami ada-lah sa-orang Menteri Kerajaan Pusat telah pergi ka-Sarawak dengan maksud membatalkan lesen itu dan dengan demikian telah menimbulkan perselisihan di-kalangan ra'ayat Sarawak bahawa Kerajaan Perikatan mencholek atau mengganggu kuasa Kerajaan Negeri. Juga laporan itu membayangkan bahawa Menteri itu nampak-nya telah terpengaruh oleh gulungan politik yang saya katakan itu. Sunggoh pun beliau menyatakan bahawa bantahan-nya atas pengeluaran lesen itu hanya berdasarkan atas ikatan perjanjian Kerajaan dengan Bangsa² Bersatu yang akan menjalankan satu penyiasatan mengenai puncha hasil hutan yang terdapat di-Sarawak, Sabah dan Malaysia Barat.

Berkaitan dengan projek Forest Industries Development Programme di-bawah Kepala 132, Pechahan-kepala 9 dan 34 dalam buku Anggaran Pembangunan kita ini, Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apa-kah yang sa-benar-nya yang telah berlaku mengenai perkara ini sunggoh pun saya perchaya bahawa agak-nya sukar di-terima bahawa Kerajaan Pusat telah men-champori tangan di-dalam masalah ini yang sa-mata² dalam kuasa Kerajaan Negeri. Kerana pada hemat saya pemimpin² Kerajaan kita ada-lah mereka yang bertanggung-jawab dan jujur di-dalam tindakan mereka untuk kebaikan ra'ayat negeri ini dan negara. Walau bagaimana pun, saya ingin mengetahui daripada Menteri yang berkenaan dengan perhutanan, ia-itu Menteri Tanah dan Galian kedudukan yang sa-benar-nya atas perkara ini.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong peruntukan pembangunan ini di-samping itu suka-lah saya berchakap di-atas Kepala 127, Pechahan-kepala 2 ia-itu Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara.

Yang Berhormat Menteri telah menyebutkan Lembaga ini telah mengambil alih 7 ranchangan² tanah di-Malaysia ini dan ini pun satu ranchangan yang baik juga sa-bagaimana sekarang kita telah ma'alum ranchangan² tanah yang ada di-tanah ayer kita ini di-pimpin oleh Lembaga Kemajuan Tanah dan telah pun mula mengeluarkan hasil; ada yang sudah pun mengeluarkan hasil sa-tahun dan dua tahun. Mereka ini telah mendapat hasil² getah mereka yang banyak, yang lumayan sa-hingga boleh mendapat lebih \$300 satu bulan jikalau mereka menoreh getah dalam 20 atau pun 10 hari. Dalam pada itu mereka yang bernasib baik yang telah mendapat ranchangan tanah—kemajuan tanah telah pun mula mendapat nikmat² kemerdekaan dan juga nikmat pemimpin Kerajaan Perikatan.

Saya suka-lah, Tuan Pengerusi, menarek perhatian Yang Berhormat Menteri supaya mengarahkan Lembaga ini kepada menolong bagi menebang pokok² tua, pokok² getah tua di-tanah² kechil hak milek bersendirian yang mana kita tahu di-tanah ayer kita ini banyak kedapatan kebun² getah pokok tua, kebun kechil yang di-mileki oleh persendirian yang sekarang ini tanah² kechil pokok² tua yang hak milek persendirian ini, mereka boleh-lah menebang pokok² tua mereka itu bertanam sa-mula di-bawah Ranchangan Lembaga Penanaman Getah Sa-mula—replanting—dan mereka boleh mendapat bantuan \$750 sa-ekar, akan tetapi sambutan ini tidak-lah begitu menggalakkan, lebih² lagi dalam kawasan saya.

Jadi, pada fikiran saya patut-lah Kerajaan menjalankan ikhtiar dengan menggunakan Lembaga ini supaya membuat ranchangan, membuat ranchangan² yang pertama, yang kedua—block yang pertama dan yang kedua

supaya kawasan² tanah pokok² tua di-negeri dan daerah² itu di-buat kawasan²-nya ini untuk di-jalankan. Kalau boleh, Tuan Pengerusi, ranchangan yang pertama boleh-lah di-buat dalam kawasan saya di-Langat, kerana dalam kawasan saya sa-bagaimana Dewan ini ma'alum ia-lah penoh dengan getah dan lombong, dan ada berpuluh² ribu ekar kebun getah kechil yang tua yang di-mileki oleh bumiputra dalam kawasan saya. Oleh kerana tuan punya tanah kebun kechil ini pada kebiasaannya tidak begitu kemampuan, tidak begitu kemampuan mengikut practical, tetapi kalau kita dengar ucapan, sharahan daripada Pegawai² Lembaga Penanaman Sa-mula ini mengikut theory-nya chukup-lah \$750 tetapi kalau di-kerjakan kesusahan kapada tuan² tanah ini di-samping mereka hendak menchari makan dan di-samping mereka hendak menjadikan ranchangan menanam sa-mula getah mereka ini. Jadi, kebanyakan daripada mereka gagal dan mereka tawar hati, tetapi azam mereka dalam hati mereka, mereka hendak juga mengechap nikmat menanam sa-mula ini dan nikmat kemerdekaan ini, tetapi tidak terdaya apa boleh buat.

Jadi dengan sebab itu-lah sekarang Kerajaan ada alat, alat-nya ada, lembaga pun ada, wang-nya ada, yang boleh di-dapati daripada Lembaga Bertanam Sa-mula. Jikalau Lembaga Penyatuan dan Pemulehan Tanah ini mengambil kerja² ini, Lembaga ini tidak rugi, tidak begitu susah sa-bagaimana mengambil alih ranchangan² tanah. Mengambil alih ranchangan² tanah Kerajaan ini berkehendakkan kapada wang yang banyak, tetapi Lembaga ini boleh dapat wang daripada Lembaga Bertanam Sa-mula Getah, wang yang \$750 satu ekar yang di-untukkan kapada pekebun² kechil itu boleh-lah Lembaga ini mengambil-nya daripada Lembaga Bertanam Getah Sa-mula. Jadi dengan chara ini dapat-lah juga penduduk² kampung, tuan² tanah yang ada mempunyai pokok tua yang 4 ekar, 5 ekar mereka tidak ada peluang untuk hendak pergi ka-Ranchangan Lembaga Tanah—Ranchangan Kemajuan Tanah, mereka tidak ada peluang sebab umur mereka, dan sebab mereka ada tanah empat

lima ekar yang tua tetapi tanah mereka ini tidak ekonomik lagi. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak menyaksikan mereka menoreh getah pakai anak tangga, pakai empat anak tangga, tiga anak tangga pokok bawah-nya sudah habis, tetapi tidak terdaya hendak bertanam sa-mula. Jadi, ini ranchangan yang baik pada fikiran saya Kerajaan ada kaki-tangan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah, Lembaga boleh dapat wang daripada Lembaga Bertanam Sa-mula Getah, hendak menjalankan-nya ada wang-nya, Menteri-nya pun bijak menjalankan pentadbiran tanah, jadi tidak ada halangan pada fikiran saya. Dan ranchangan ini bolehlah di-buat block², sa-luas 500 ekar, 1,000 ekar atau sa-bepara boleh didapati tanah² tua yang tidak economic yang patut di-tebang boleh di-buat block², boleh di-buat ranchangan² sa-kurang-nya 500 ekar, 1,000 ekar dan sa-bagai-nya dan boleh di-dapati di-tanah ayer kita ini, dan dengan ini dapat-lah ra'ayat kita sama² mendapat nikmat kema'amoran daripada bertanam getah sa-mula, terima kaseh.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh): Dato' Pengerusi, saya mengambil peluang berchakap sedikit dalam Kepala 127, Pechahan-kepala 1 dan 2. Di-dalam begitu banyak ranchangan tanah yang di-usahkan oleh Kerajaan kita chuma yang kita berasa puas hati dan berbangga dengan-nya ia-lah ranchangan tanah ia-itu Ranchangan Tanah yang di-jalankan oleh F.L.D.A. ini. Sa-lain daripada itu kita bernasib baik-lah dengan ada-nya pula satu Lembaga baharu yang di-tubuhkan yang di-namakan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah.

Kita tahu, Tuan Pengerusi, tiap² Negeri ada-lah bertanggung-jawab di atas Ranchangan Tanah Pinggir ini dan Ranchangan Tanah Pinggir ini, Tuan Pengerusi, macham chendawan tumbuh di-jalankan dengan tidak mengira burok baik-nya. asalkan sahaja timbul ranchangan ini untuk hendak memuaskan hati mereka yang berkehendakkan ranchangan ini. Jadi, memandang kepada peruntokan yang di-beri atas pinjaman kepada Kerajaan² Negeri sa-banyak \$640,000, saya rasa tidak begitu memuaskan dan begitu juga bantuan

kapada Negeri² pun tidak begitu memuaskan. Kalau sa-kira-nya kita mahukan Ranchangan Tanah Pinggir ini berjalan dengan baik dan memuaskan, kerana pada pendapat saya sa-panjang yang saya fahamkan yang Ranchangan Tanah Pinggir ini tidak begitu mendapat layanan yang baik dan tidak mempunyai supervision yang betul untuk hendak menjadikan ranchangan ini satu usaha yang baik yang boleh menolong ra'ayat yang sa-benar²-nya. Jadi, dengan itu, saya rasa Kementerian ini telah wajib-lah mengerahkan tiap² Negeri supaya menjalankan usaha ini yang sa-benar²-nya supaya dapat ranchangan tanah pinggir ini di-jalankan dengan sa-baik²-nya.

Kita tahu ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan begitu luas banyak tanah yang hendak di-keluarkan kepada ra'ayat. Ini satu langkah yang baik apa yang telah di-majukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu, tetapi tanah yang sedia yang telah di-keluarkan kepada ra'ayat tinggal begitu sahaja dengan tidak di-layan baik²—tidak di-perbaiki keadaan ini dan tidak pula mendapat sokongan yang sa-wajar-nya daripada Kerajaan untuk ra'ayat itu memelihara tanah yang telah di-beri kepada mereka itu. Kebanyakan tanah² ini tinggal menjadi hutan belukar balek. Jadi, saya rasa banyak-lah sudah dari semenjak mula di-tubuhkan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah ini mengambil aleh tanah² yang sa-umpama itu, tetapi mengambil aleh tanah yang sa-umpama itu dengan Kerajaan Pusat berjalan dengan sendiri-nya, saya rasa tidak-lah begitu dapat berjalan dengan begitu chepat sa-kali untuk hendak memulehkan tanah ini supaya dapat perubahan² yang sa-wajar-nya.

Jadi, dengan sebab itu-lah saya rasa Lembaga Kemajuan ini juga patut diperbesarkan dan peruntokan-nya patut di-banyakan lagi supaya banyak lagi perubahan² yang dapat kita jalankan. Kita susah hati dengan penganggor². Kita susah hati dengan anak² muda kita keluar ka-bandar² besar meninggalkan kampung halaman mereka itu. Ini tidak boleh hendak di-salahkan kepada

mereka itu, kerana usaha yang ada di-kampung mereka itu sendiri di-tinggal-kan dengan tidak mendapat layanan daripada pihak Kerajaan sendiri. Jadi, saya rasa amat baik dengan ada-nya peruntukan ini dan di-tambah lagi peruntukan yang sa-bagitu banyak lagi supaya dapat di-perbaiki ranchangan² tanah pinggir ini.

Saya tahu dalam negeri Perak sahaja lebeh daripada 100—lebeh daripada 100 buah Ranchangan Pinggir ini yang telah di-jalankan di-daerah² di-dalam negeri Perak itu, tetapi hanya satu dua tiga sahaja daripada ranchangan itu yang berjaya sa-lain daripada itu habis balek menjadi belukar, lembah dan langsung menjadi hutan. Jadi, ini-lah yang di-jalankan oleh Lembaga Penya-tuan Tanah ini, dan saya sunggoh² berbangga dengan usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengadakan Lembaga ini dahulu.

Sa-lain daripada itu saya hendak berchakap tentang Kepala 131—Orang Asli. Saya sangat tertarek hati dengan ucapan Yang Berhormat Menteri, kerana nampak-nya banyak peralehan dan perubahan yang dapat di-buat oleh Kementerian ini untuk hendak mem-perbaiki kehidupan Orang² Asli di-seluruh negara kita ini dan saya pun pernah melawat ranchangan² dan pernah juga tahu di-atas perjalanan Kementerian ini, tetapi saya hendak menumpang sadikit memberitahu ka-pada Yang Berhormat Menteri, ia-itu dalam kawasan saya ada satu kampung Orang Asli yang di-tempatkan di-Changkat Kereta, atau pun di-Erong sana yang lebeh kurang ada tiga empat lima puluh buah rumah di-sana yang berkampung bertahun² dan berkurun² di-sana dan mereka itu pun ada mem-punyai kehidupan yang lumayan, kerana ada pokok² getah yang mereka itu boleh hidup dan juga ada pem-binaan di-jalan kampung itu. Saya sunggoh menguchapkan terima kaseh, sebab di-sana ada di-berikan sekolah untuk anak² Orang² Asli di-sana ber-sekolah semenjak dua tiga tahun dahulu, tetapi malang-nya sa-sudah siap sekolah itu murid²-nya ada, pelajar-nya ada, penuntut-nya ada, tetapi guru-nya tidak ada. Jadi, bagaimana-kah sekolah itu akan jadi kalau guru-nya tidak

ada? Di-mana-kah singkat-nya, atau pun bersangkut-nya perkara ini? Saya pun tidak tahu. Saya harap-lah Yang Berhormat Menteri mengambil per-hatian tentang perkara ini supaya menghantar guru itu dengan sa-berapa chepat yang boleh, kerana saya khuatir pilihan raya kita ini pun sudah dekat dan mungkin ini satu daripada gejala yang boleh merosakkan undi² dalam kawasan saya di-situ. Jadi, saya harap-lah Yang Berhormat Menteri tolong ambil perhatian sadikit di-dalam soal ini.

Dan sa-lain daripada itu, saya tidak-lah hendak berchakap panjang, melain-kan saya tengok di-sini peruntukan untuk hendak menolong membantu pelombong² di-dalam kawasan Melayu. Jadi, nampak-nya saya tengok di-sini pinjaman untuk ini telah pun beraleh ka-tempat yang lain dan saya pula belum menyemak dan saya harap Yang Berhormat Menteri tolong-lah fikirkan sadikit kawasan² Melayu ini supaya tidak-lah kawasan itu pelombong² nama sahaja tanah Melayu, tetapi pelombong²-nya bukan daripada orang Melayu sendiri. Itu-lah sahaja saya uchapkan terima kaseh dan saya menyokong penoh atas peruntukan Kementerian ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, izin-kan saya mengambil bahagian dalam perbahathan pembangunan Kementerian Tanah dan Galian ini. Saya suka hendak menyampaikan kepada Dewan ini khas-nya kepada Yang Berhormat Menteri supaya Kementerian ini dapat memikirkan. Sa-patut-nya Kementerian ini dapat menambah nama Kementerian ini dengan Kementerian Kehutanan, Tanah dan Galian.

Saya banyak kali benar mendapat rayuan, pandangan daripada ahli² atau pegawai² kehutanan di-dalam negara kita ini, sedangkan kita tahu satu sumber kewangan kita yang besar ia-lah hasil hutan. Jadi di-Pahang sahaja, Tuan Pengerusi, mendapat hampir² \$38 juta, di-Sabah \$245 juta ia-lah hasil daripada hasil hutan. Untuk menjaga nama baik dan perasaan hati kechil, saya mensarankan supaya Kementerian ini di-tambah sadikit nama-nya—Kementerian Kehutanan, Tanah dan

Galian dan saya yakin sa-lepas saya berchakap ini Menteri akan menerima dengan baik.

Tuan Pengerusi, saya menyentoh Kepala 127, Pechahan 3—Kemajuan Taman Negara. Tuan Pengerusi, Taman Negara ini yang sa-benar-nya ia-lah dalam kawasan saya itu-lah sebab-nya saya ghalat benar kalau Tuan Pengerusi tidak membenarkan saya berchakap, tetapi dengan izin Tuan saya berpeluang sa-kali lagi saya menguchapkan terima kaseh.

Sa-bagaimana yang kita dengar bahawa sa-nya Yang Berhormat Menteri menyatakan pelawat² yang datang melawat ka-Taman Negara pada tahun 1968 ia-lah sa-ramai 545 orang, dari pada-nya 90% ia-lah pelawat² daripada luar negeri. Jadi kalau memandang kapada ini nyata benar-lah Taman Negara ini tidak-lah sa-bagaimana yang kita fikirkan tempat yang mendapat perhatian yang lebeh daripada pelawat² atau pelanchong² yang datang ka-negeri kita ini. Saya rasa ada sebab mesebab mengapa Taman Negara yang endah ini hanya kita dapati chuma 545 orang sahaja pelawat daripada luar negeri yang datang ka-Malaysia Barat ini sedangkan pelawat itu hampir berpuluh ribu datang-nya ka-Malaysia ini sa-panjang tahun.

Tuan Pengerusi, ada dua masaalah yang besar yang patut di-timbangkan oleh Kementerian ini. Pertama ia-lah kemudahan hendak datang ka-Taman Negara itu sendiri. Daripada apa yang kita dengar hanya 10% sahaja ra'ayat negeri ini yang mengunjongi Taman Negara, tentu-lah sebab² itu sebab² kepayahan kenderaan.

Saya menyatakan di-sini, Tuan Pengerusi, sebab ini ada perhubungan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan atau Jabatan Pelanchong, tetapi saya fikir Kementerian Tanah dan Galian akan boleh berunding kemudian daripada ini. Daripada Jerantut ka-Taman Negara, Tuan Pengerusi, ini ia-itu tambang motor sa-banyak \$65.00 atau hampir² \$70 pergi dan kadang² balek pun mengambil sewa yang sama.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kere-tapi mail yang datang daripada Singa-

pura, yang datang daripada Kelantan, tidak singgah di-station yang hampir sa-kali di-Kuala Tembling, sedangkan Kuala Tembling pintu jalan hendak pergi ka-Taman Negara.

Jadi sekarang ini pelawat yang datang dari Kelantan dengan keretapi tidak akan dapat melalui atau singgah di-Kuala Tembling ini, kechuali singgah di-Jerantut. Jadi jikalau kita buka atau kita rengankan pembukaan boleh singgah keretapi mail daripada Singapura atau daripada Kelantan ka-station yang di-namakan Kuala Tembling ini, saya fikir akan boleh mengurangkan sadikit belanja datang, sebab daripada Kuala Tembling ini banyak motor² private yang boleh menghantar pergi ka-Taman Negara dan balek daripada Taman Negara.

Jadi saya rasa dua perkara ini patut sangat-lah mendapat pertimbangan. Saya shorkan, Tuan Pengerusi, Jabatan Mergastua hendak-lah mengambil sewa motor-nya sama dengan sewa biasa, erti-nya tidak lebeh daripada \$5 daripada Kuala Tembling ka-Taman Negara ini. Jadi dengan sebab kita menurunkan lebeh banyak harga tambang yang saya katakan tadi kita dapati bukan sahaja pelawat² daripada luar negeri, tetapi pelawat daripada dalam negeri sendiri akan lebeh banyak mengunjongi Taman Negara.

Jadi sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyatakan sadikit lagi, oleh sebab keadaan di-tempat ini berlainan dari kawasan bandar yang ada Rest House, atau tempat menginap yang baik, saya men-chadangkan supaya di-Kuala Tembling ia-itu pintu masok ka-Taman Negara itu berhampiran dengan Sungai Tembling di-dirikan satu Rumah Persinggahan. Kalau pelawat itu belum sempat ma'ana-nya tidak sempat datang kerana ketiadaan motor dan sa-bagai-nya maka di-sana boleh mereka bermalam. Ini perlu, Tuan Pengerusi, bagi kebajikan Taman Negara ini. Jadi kalau ada kemudahan yang samacham ini, jikalau tidak sempat balek, boleh bermalam di-Kuala Tembling, ada tempat yang baik, atau kalau masa keretapi mail singgah di-Kuala Tembling mereka boleh-lah menaiki

keratapi. Kemudian kalau hendak menggunakan motor pun dengan harga yang murah, saya fikir pelawat yang akan melawat Taman Negara ini akan berubah, apa-tah lagi kalau Kerajaan menhadangkan ada perkhidmatan helikopter umpama-nya daripada Kuala Lumpur terus ka-Taman Negara. Maka dengan usaha ini bukan sahaja lebih baik, tetapi boleh menambah pelawat² dari luar negeri. Tetapi sa-panjang yang sudah² ini, Tuan Pengerusi, kerehatan, kemudahan pelawat² daripada luar negeri hendak melawat ka-Taman Negara ini lebih payah sedangkan masa tempoh yang mereka melawat ka-Malaysia ini tidak sa-panjang mana yang mereka boleh dapat. Dalam tempoh 3 hari tidak boleh sampai ka-Taman Negara kalau mengikut jalan biasa. Jadi sekarang peluang hendak melawat ka-Taman Negara itu tidak cukup peluang, maka saya mensarankan sa-lain daripada kemudahan tempat kepada Kementerian ini ia-itu bagi membolehkan satu perkhidmatan yang tertentu daripada Kuala Lumpur terus ka-Taman Negara.

Jadi sa-lain daripada itu saya suka hendak berchakap sedikit masalah sa-lain daripada soal kemudahan ini tadi ia-lah soal membaik lagi keadaan Taman Negara ini. Saya berterima kaseh sebab Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan pembukaan padang tempat makan binatang². Tetapi, Tuan Pengerusi, masalah binatang yang datang ka-Taman Negara ini ia-lah mengikut musim dan masa waktu, bukan sa-panjang masa yang kita pergi ka-Taman Negara, kita boleh melihat atau berjumpa atau menengok gajah, seladang dan sa-bagai-nya. Kadang kala dia datang dan kadang kala-nya tidak. Ini bergantung kepada nasib kita atau bergantung kepada keadaan musim pada masa itu.

Jadi saya menhadangkan kepada Kementerian ini supaya di-tambah sa-kurang²-nya binatang yang ada di-Taman Negara yang lazim datang ka-Taman Negara di-pamirkan sama ada gambaran, atau pun kulit yang kita masukkan sa-jenis perkakas yang menimbulkan rupa asal. Jadi dengan jalan itu kalau mereka hampa hendak menengok atau hendak menyaksikan

binatang² liar yang ada di-negeri ini, tetapi mereka berpeluang menengok gambaran yang telah kita keraskan. Jadi dengan jalan ini saya fikir keham-paan itu dapat kita kurangkan.

Sa-lain daripada itu di-dalam tiap² kawasan pendalaman di-dalam Taman Negara ini hendak-lah di-dirikan rumah di-atas pokok dengan tujuan pelawat boleh naik ka-rumah di-atas pokok itu menyaksikan binatang². Keadaan rumah di-atas pokok itu juga harus di-baiki sedikit. Kerehatan mesti ada, jangan sahaja ada papan kering, kalau boleh, letakkan-lah tilam "Dunlopilo" sedikit, sebab menanti masa binatang ini datang bukan 10 minit, 20 minit, kadang² kita harus menunggu 2 jam dengan tidak boleh merokok atau pasang api yang terang. Jadi tentu-lah agak saya pelawat yang datang itu chemas, rimas. Kalau di-beri kenek-matan atau pun keadaan kemudahan yang sa-macham ini, saya sebutkan bukan sahaja mereka dapat melawat menengok binatang² liar, dan tempat berbulan madu pun harus boleh di-gunakan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak mengalah pandangan saya kepada Kepala 131, Pechahan-kepala 1, 2 dan 3 ia-itu berhubung dengan Orang Asli. Dalam Pechahan-kepala 1 ia-itu meluaskan perkhidmatan Kerajaan di-kawasan hutan termasuk-lah hendak membangunkan sekolah di-kawasan pendalaman. Saya suka hendak memberi pandangan pada Yang Berhormat Menteri ini. Saya rasa guru² sekolah Orang Asli ini hanya di-jaga² atau ditadbirkan oleh Pegawai Orang Asli sendiri yang kurang mahir-nya dalam soalan pelajaran. Jadi, saya menhadangkan kepada Kementerian yang berkenaan ini supaya mengadakan jawatan Pelawat Pelajaran daripada orang² yang ada professional dalam Jabatan Pelajaran. Kalau susah orang ini kita dapat, apa salah-nya kita pinjam daripada Kementerian Pelajaran?

Pada hari ini sa-panjang yang saya tahu maseh belum ada. Jadi, kita juga harus mengkaji bahawa Sistem Pelajaran Kebangsaan kita. Kita perchaya guru² yang mengajar ini tidak lari daripada sistem pelajaran, tetapi pada

maudzu'-nya, pada hakikat-nya kita harus mengawali walau bagaimana sa-kali pun, walau sekolah yang di-anjor oleh Kerajaan sendiri, sistem ini perlu di-awasi. Jadi, saya menyarankan supaya ada pelawat yang menengok, yang menyaksikan pengajaran di-sekolah² Orang Asli, lebeh² lagi di-kawasan pendalaman. Sa-lain daripada itu, biasa-nya sekolah Orang Asli di-buka, kelengkapan jarang sangat dapat di-beri.

Dalam akhbar baharu² ini, pembu-kaan sekolah di-Sungai Kiol, jajahan Jerantut, sa-orang guru daripada Perkhidmatan Keamanan daripada Amerika dan guru² Melayu pun sama² mengajar di-sekolah Orang Asli di-Sungai Kiol. Dalam akhbar itu menyatakan bahawa sa-nya papan hitam pun tidak ada. Papan hitam di-gunakan dengan kain dan kapur batu pun tidak ada; di-gunakan sa-jenis da'awat yang boleh di-padamkan dengan kain basah. Jadi, saya rasa sa-bagai sa-orang yang ada pengalaman dalam lapangan ini, guru² boleh mengajar dengan baik kalau alatan ada cukup. Jadi, saya harap dalam masaalah ini juga dapat di-timbangkan sama bila membuka seko-lah Orang Asli.

Saya hendak berchakap dalam Pe-chahan-kepala 3—Penyiasatan dan Penyelidikan. Orang Asli ini, dia ada mempunyai adat resam-nya sendiri. Saya bukan-lah ahli dalam atau ahli yang mahir dalam adat resam Orang Asli, tetapi sa-panjang yang saya berchampur di-kawasan saya banyak Orang Asli yang menjadi pengundi. Adat resam Orang Asli ini juga kadang² ada persamaan² yang hampir² sama dengan adat resam orang Melayu. Bila Hari Raya kita, dia pun Hari Raya. Bila kita Hari Besar, kalau kita Hari Raya dua kali, dia pun Hari Raya dua kali. Jadi resam dia itu walau pun dia tidak sa-ugama dengan kita, tetapi keresaman Orang Asli ini kadang² meniru dan mengikut kita. Jadi yang paling baik saya fikirkan, sa-lain daripada kita hendak menyatukan Orang Asli dalam khidmatan kita, patut-lah kita mulakan Majlis Perkahwinan Orang Asli ini di-anjorkan oleh Jabatan Orang Asli sendiri. Kita selalu bagi ubat, rumah sakit, sekolah dan sa-

bagai-nya, tetapi bila masa-nya Orang Asli ini kahwin? Jadi kita lengkap-lah supaya dia boleh mengikuti perkembangan dan adat resam-nya itu. Jadi saya rasa sebab sa-tengah² tempat, umpama-nya di-Rompin, di-Negeri Perak atau pun di-Ulu Bernam, mereka boleh bermain biola, melagukan lagu² Melayu. Jadi banyak keresaman yang hampir² sama. Jadi, saya menganjorkan satu chara kepada Yang Berhormat Menteri ini, dalam majlis perkahwinan Orang Asli supaya timbul satu bangsa yang mempunyai kemodernan. Jadi usaha kita dalam lapangan pelajaran, lapangan membaiki nasib dia dari segi ekonomi dan sa-bagai-nya dan kita chuba pula supaya ia bertamadun, mempunyai kehidupan yang baik dalam segi kebudayaan dan sa-bagai-nya.

Jadi, yang akhir, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam soal Projek Kechil Memajukan Ekonomi Orang Asli. Satu daripada-nya Kampong Chontoh. Sa-tengah² kampong Orang² Asli ini berhampiran sangat dengan kawasan F.L.D.A. Saya rasa ada baik-nya Yang Berhormat Menteri memikirkan kawasan yang hampir dengan kawasan F.L.D.A. ini, yang selalu di-lawati oleh pelawat luar negeri, menengok ranchangan F.L.D.A., di-sa-belah-nya barangkali ada kampong Orang Asli. Kampong Orang Asli yang sa-macam ini jangan-lah di-tinggalkan. Di-tempat saya, Tuan Pengerusi, ada sa-buah kampong, kampong Orang Asli yang hampir dengan kawasan, F.L.D.A., Kampong Sungai Bangkok, berhampiran dengan F.L.D.A. Sungai Tekam. Kampong ini di-tengah² kawasan di-antara Ulu Jempol dengan Sungai Tekam. Kedua²-nya ranchangan F.L.D.A. Di-kampong Orang Asli di-tengah ia-lah Sungai Bangkok nama-nya. Saya rasa, kalau pelawat luar negeri datang menengok keadaan pembangunan kita dalam segi pembangunan tanah, maka saya minta-lah Yang Berhormat Menteri menimbangkan masaalah Per-kampongan Orang Asli yang hampir dengan kawasan F.L.D.A. ini patut sangat di-baiki, dengan di-beri kemudahan, di-pertunjukkan chara pembenaan yang lebeh baik. Jadi, dengan jalan ini saya takut membabitkan

usaha kita yang baik ini dan dapat di-ketahui oleh pelawat² luar negeri akan layanan yang kita beri kepada Orang Asli.

Saya bersetuju, Tuan Pengerusi, pada suatu masa saya berpeluang melawat negeri Siam, saya pergi ka-sabuah kawasan di-tempat di-utara negeri Siam itu. Dalam masa lawatan itu saya di-beri peluang menengok ranchangan bagaimana hendak memulehkan Orang Asli di-negeri Siam (Thailand). Bila saya bandingkan kedua² negara kita ini, saya rasa kita lebeh maju daripada negeri sahabat kita. Kita lebeh meng-integrationkan kehidupan Orang Asli, tetapi apa yang saya nyatakan ini ialah saya mohon usaha itu di-lebuhkan. Jadi dengan jalan demikian, dalam sabuah negara yang muda kita telah meninggikan taraf hidup satu kaum yang terbiar dalam negara kita ini, maka dengan usaha ini saya sa-kali lagi melalui Dewan ini menyampaikan tahniah saya kepada bukan sahaja kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi juga kepada seluroh Ahli dalam Kementerian itu. Terima kaseh.

Data' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya meng-ucapkan sa-tinggi² terima kaseh atas pandangan dan chadangan² yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat mengenai Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian serta Jabatan² yang di-bawah-nya.

Pertama sa-kali saya ingin memberi jawapan kepada chadangan Ahli Yang Berhormat dari Langat. Sa-benar-nya Lembaga ini telah ada juga mengambil alih ranchangan yang pada asal-nya di-kelolakan di-bawah Lembaga Tanaman Sa-mula Getah sa-umpama ranchangan di-suatu tempat di-Nasaruddin, Perak yang mana telah menerima bantuan daripada Lembaga Tanaman Sa-mula. Di-atas perkara memuleh sa-mula tanah² yang di-mileki oleh orang persaorangan, Tuan Pengerusi, mengikut undang² yang telah menubuhkan Lembaga ini jika ada permohonan daripada tuan² punya tanah itu atau pun daripada projek² Kerajaan Negeri mengenai tanah² Kerajaan Negeri, maka boleh-lah Lembaga ini memberi pertimbangan. Bagini-lah chara-nya kita bekerja

dan jikalau ada di-kawasan Ahli Yang Berhormat itu tuan² punya tanah yang menghendaki bantuan daripada Lembaga ini, nasehat saya supaya beliau itu memberi tahu mereka untuk ber-hubong dengan Pengerusi Lembaga itu ya'ani Tuan Haji Ma'arof. Dengan sa-berapa boleh-nya, Tuan Pengerusi, kita mahu memberi apa jua bantuan yang dapat kita usahakan menerusi Lembaga ini supaya tanah² yang di-punyai oleh ra'ayat dalam negeri ini boleh memberi hasil kepada tuan punya tanah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh telah menyentuh masaalah tanah pinggir. Saya mengaku bahawa pada mula²-nya memang banyak Tanah² Pinggir ini boleh-lah di-katakan tidak begitu memuaskan hati, tetapi sa-telah enam tahun, sa-telah orang² kita mendapat pengalaman dalam menjalankan Ranchangan Tanah Pinggir itu, maka dari semenjak itu ranchangan² ini telah banyak memberi puas hati kepada kita, Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, peserta² sendiri juga telah menjalankan tugas mereka dengan lebeh baik, dengan lebeh ter-ator dan lebeh giat lagi. Jadi saya rasa sunggoh pun ada beberapa ranchangan yang boleh di-anggap tidak begitu memuaskan hati, atau pun gagal pada keselurohan-nya kita telah dapat memberi bantuan ini kepada ra'ayat² yang benar² dapat bekerja dalam Ranchangan Tanah Pinggir ini. Jadi daripada tahun 1966 yang saya katakan tadi, bagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri ketahui, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah lebeh menghalusi sharat² sa-belum tanah itu di-buka bagi kepentingan Ranchangan Tanah Pinggir.

Tuan Pengerusi, berhubong dengan masaalah sekolah bagi orang² Asli di-kawasan Ahli Yang Berhormat itu saya telah berjanji kepada beliau akan mengkaji masaalah ini dan saya belum lagi mendapat nasehat daripada Jabatan² yang berkenaan. Bagaimana pun sa-telah habis jawapan ini, saya akan mengarahkan Jabatan Orang Asli untuk menyiasat perkara itu dan memberi laporan kepada saya.

Tuan Pengerusi, saya sunggoh berterima kaseh kepada Ahli Yang

Berhormat dari Lipis yang telah banyak memberi chadangan² yang begitu berfaedah kepada Jabatan Mergastua ini atau pun Games Department. Masaalah keretapi mail daripada Singapura yang tidak singgah di-Kuala Tembeling, saya baharu dapat satu nota daripada rakan saya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang berbunyi: "Keretapi mail dari Singapura atau pun Kelantan boleh di-berhentikan di-Tembeling bila ada permintaan. Stop order boleh di-beri jika penumpang² tidak selalu, tetapi jika penumpang² yang hendak pergi ka-Taman Negara turun di-Tembeling, boleh di-jadualkan mail berhenti di-situ." Ini jaminan yang di-beri oleh Menteri Pengangkutan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, jaminan yang tersebut ada-lah Menteri Yang Berhormat itu ia-lah jaminan yang biasa di-beri. Apa yang saya maksudkan supaya di-berhentikan betul² keretapi itu dengan tak payah di-minta, sedang saya tahu, Tuan Pengerusi, keretapi berhenti di-Gemas hampir dua jam, kemudian baharu menyambong gerabak daripada Singapura. Apa salahnya dua minit tak boleh berhenti?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, untuk keterangan. Bukan fasal boleh tak boleh, kalau berhenti tak ada orang turun, maka bayaran lima ringgit itu, dua puluh ringgit-kah satu kali berhenti; berhenti 5 minit-kah, dua minit-kah maka kalau sudah tentu ada keterangan penumpang, kita beri berhenti, kerana ini menjaga kerugian keretapi yang sudah rugi, tetapi kita sedia hendak menggalakkan pelanchong² pergi ka-Taman Negara itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, kalau kita berniat hendak tahu siapa hendak beli barang saya, saya fikir-lah bukan-lah kita ahli perniagaan. Kita mesti berniaga dahulu kemudian baharu datang perniagaan. Begitu juga-lah dengan keretapi ini.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat rakan saya daripada Lipis

sangat² tertarek hati dengan anjoran Majlis perkahwinan orang Asli. Kementerian saya sanggup akan menganjorkan-nya jika Ahli Yang Berhormat itu sanggup menjadi pengantin laki². (Ketawa)

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Pengerusi, saya sanggup jika Menteri itu jadi pengantin perempuan.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, merbahaya Ahli Yang Berhormat itu, Tuan Pengerusi.

Berhubung dengan perhubungan di-antara Jabatan Mergastua dengan pehak Pelanchongan ini memang telah lama kita jalankan. Memang kita ketahui daripada sudut, atau pun daripada segi tourism banyak kemungkinan² Taman Negara ini akan boleh memberi satu tarekan yang besar. Dengan chara yang demikian boleh mendapatkan hasil atau pun wang bagi negara kita.

Sekarang kita mempunyai pakar yang akan menjalankan penyiasatan bagaimana lagi chara kita dapat menguruskan dengan lebeh baik lagi Taman Negara kita itu. Chadangan² yang lain daripada Ahli Yang Berhormat itu terpaksa di-kajikan oleh Jabatan yang berkenaan, tetapi inginalah saya menerangkan semua-nya chadangan² berupa membena dan akan dapat pertimbangan sewajar-nya daripada Jabatan Mergastua dan daripada Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak telah menyentoh masaalah tukang di-Sarawak yang telah menimbulkan keributan yang besar di-Negeri Sarawak pada penghujung tahun 1968. Bagi penerangan Ahli Yang Berhormat itu ingin-lah saya menerangkan segala² yang telah di-dengar-nya di-dalam akhbar² Negeri Sarawak ada-lah kebanyakan-nya tidak betul. Memang benar ada Kerajaan Negeri Sarawak berchadang hendak mengeluarkan daripada forest reserve sa-luas bukan 400,000 ekar saperti yang telah di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi pada

permulaan-nya 40,000 ekar dan kemudian-nya saya mendengar hendak mengeluarkan lebih daripada 100,000 ekar ini. Berita ini sa-benar-nya belum sah. Jadi mengenai perkara² yang timbul dalam Negeri Sarawak itu bagi kepentingan Ahli² Yang Berhormat dari Sarawak yang lain Yang Berhormat Tuan Chia Chin Shin dan Yang Berhormat Tuan Dago, saya mohon izin untuk memberi jawapan di-dalam bahasa Inggeris.

Mr Chairman, Sir, towards the end of 1968—in fact, around November, 1968—a great deal was published in the local Press in Sarawak, particularly by the *Sarawak Vanguard* and a few other papers, the Chinese papers. The publication, concerning the forest reserves that the State Government proposed to excise and grant a licence to certain people, included certain speculation, very wild speculation, very mischievously unfounded allegation, against me, as mentioned by Yang Berhormat. The general impression conveyed in the Sarawak Press was that when I went to Sarawak in November to discuss with the Chief Minister regarding this matter, I was persuaded by a certain Sarawak Chinese Association leader to interfere in a purely State matter, namely, the granting of forest licence.

Sir, what in fact did happen was, even before Malaysia Day, the Sarawak Government had proposed to ask the United Nations Development Programme for some assistance to carry out a survey regarding forest and also land use in the State. When Malaysia was formed the proposal was renewed and it was studied by our Economic Planning Unit and the request was forwarded by our Government, the Central Government, to the United Nations Agency. Later, the Forest Department under my Ministry also put up a request to establish a Forest Products Utilisation Research Centre in Kuala Lumpur. This proposal, too, Sir, needed the assistance of the United Nations Agency and it too was submitted to the U.N.D.P. for consideration. The Central Government, Sir, noting that the two proposals could be amalgamated, could

be consolidated, could be tackled together, since a lot of common factors were apparent in them, decided to submit a revised request to the United Nations Development Programme and the revised request then submitted containing a re-formulation of the two projects and the new project was named the Forest Industries Development Programme as it appears in our Development Estimates.

Sir, the submission of the request to the Agency, which was national in concept, not parochial, was an important step taken in order to undertake a unified project, a Forest Industries Development Programme—that was most important—a project which our country needs very badly in order to determine the quality, and quantity, the distributions and the location of our forest resources so as to enable the preparation, in close collaboration with the United Nations Agency, a Master Plan, a national plan for development of our rich natural resources, namely, our forests. Hence, in short, the purpose of the Forest Industries Development Programme was to assess the national forest resources, potentials and stimulation of national and vigorous development of all aspects of the national forest industry.

Sir, I admit, and everyone knows, that Forest is a State subject, meaning that if someone wants to carry out exploitation of forest, he must obtain a licence from the State Government concerned. The Central Government, my Ministry particularly, realises this. We felt that it was imperative, it was most important and it was essential that the Federal Government must seek State co-operation to see that the programme succeeds. If the State refuses to co-operate, if the State refuses to allow their forest to be examined, there is nothing that we could do. But then, as I said, it was the Government of Sarawak which asked the United Nations Agency at first and later on renewed the request after Sarawak joined Malaysia, and what happened was in March, 1968, my Ministry forwarded to the Sarawak State Government the draft Forest Industries Development Programme

and in April, 1968, I received a heartening reply to this effect from the State Government. I would quote:

- (i) "Appropriate action on this highly important matter has already been taken and I would refer you to the following in this connection: (a) Statement in the Supreme Council by the then Minister for Development and Forestry (who is now the Assistant Minister for Commerce and Industry) on the 22nd of September, 1967 (i.e., long before November, 1968 and long before I went to Sarawak in that month) in which he advised the Supreme Council to approve in principle the freezing of certain forest areas pending the completion of a special survey to be carried out by the United Nations Organisation. The Supreme Council approved (which means approved the freezing of all forest applications in Sarawak).
- (ii) The submission to the Supreme Council on 16th October, 1967 of a Supreme Council Paper No. 183/67 setting out the objects of the proposed Forest Industries Development Project and stressing the importance of not committing any further areas of permanent forest or potential permanent forest until after the completion of the project".

Sir, I would like to mention here, as the Honourable Member said just now that there were a lot of allegations and so forth in the papers against me, that one of the allegations was that it was I who went there to freeze the application and that I did that because one S.C.A. leader persuaded me to do so. Sir, clearly from the records, the freezing of the forest in Sarawak was done voluntarily by the Sarawak State Government even before my Ministry approached that State, by writing a letter to the State Government asking whether the State would agree with the United Nations Programme. Also, Sir, the present Minister for Agriculture and Forestry in Sarawak was present in the Supreme Council meeting at the time when that

statement I quoted just now was read out and when the Supreme Council of Sarawak agreed to freeze forest areas in the State. Therefore, Sir, on the strength of this letter from the State Government, the plan of operation was signed on the 26th August 1968, three months before I went to Sarawak last year. Now, on my return to Kuala Lumpur early in November, 1968, Sir, I was informed by Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, the Deputy Prime Minister (I was called up) and he said to me "Do you know anything about the proposal by the Sarawak State Government to issue 40,000 acres of forest to certain individuals in Sarawak?" I said, I had heard nothing about it. He sent me to go to Sarawak to find out about it and to discuss with the Chief Minister of Sarawak. That is how I first came to know of this proposal to the State Government. I went and I think the reason why Tun Razak asked me to go was that under the plan of operation I have just mentioned, which was signed on the 26th August, 1968, it says that "The Government will make every effort"—that is the Central Government—"through the Ministry of Lands and Mines and the Economic Planning Unit to co-ordinate land use and forest policies and programme in Malaya, Sabah and Sarawak". Therefore, Sir, under this plan of operation, I am responsible to ensure that the terms, under which the United Nations agreed to carry out this survey, are not broken, are adhered to strictly by all those concerned, the Federal as well as the State Governments. Unfortunately, Sir, despite my repeated efforts, the State Minister responsible for Forestry refused to see me, he even did not reply to my telegram regarding this matter and the result was that I saw the Chief Minister in November, and he confirmed that the State Government proposed, in contravention of this agreement with the Federal Government, to issue 40,000 acres of forest to certain individuals without public tender.

Sir, that is, as I have said, the true position and, if there is any allegation in the minds of anyone in Sarawak that I went there persuaded by any of

the S.C.A. leaders or Alliance leaders in Kuala Lumpur and Sarawak it is completely false.

Here, I would like to read a copy of a letter which I have just received, Sir, from a certain gentleman, and it is a letter from the Acting Permanent Secretary, Ministry of Agriculture and Forestry, Sarawak to this gentleman in Kuching, which says "Sir, I refer to your letter dated September 18th, 1968, applying for a forest licence over the forest area in the Batang Suai (which is the area in question). I am directed to inform you that part of the area has already been under licence and that the unlicensed part comprising permanent forest is included for the United Nations Special Fund Survey which is now in operation and cannot be released until this survey is completed"—dated 23rd October, 1968, about a month before I went to Sarawak regarding this matter. This is the thing that has caused all the trouble. As recently as 23rd October, the State Government told an applicant that the area cannot be issued because it is under United Nations Survey and the next moment they want to issue it to a certain gentleman without public tender. So, as far as I am concerned, as far as

the Federal Government is concerned, our attitude is that we must not break our agreement with the United Nations, we must adhere to all the understandings, so that the project can be carried out. That is all my reply, Sir.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,125,000 dan \$3,140,000 untok Kepala 127, \$227,398 untok Kepala 128, \$900,920 untok Kepala 130, \$1,000,000 untok Kepala 131, dan \$3,501,638 untok Kepala 132 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Majlis Meshuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat saya suka-lah hendak memberi tahu ada-lah Jawatan-kuasa bagi Anggaran Pembangunan, 1969 telah sampai kepada Kepala 132 dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1969. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Ithnin 10hb. Februari, 1969.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.